Jabatan Antropologi dan sosiologi
No. Kelas: 85 . A2
No Perolehan: T 0961
Tarikh: 18 MAR 1986

# KEDUDUKAN PELAJARAN DAN EKONOMI PEKERJA LADANG GETAH BEE YONG, KERDAU, TEMERLOH, PAHANG.

Azaman Bin Ahmad
No. Matrik: 043821

Latihan Ilmiah
Bagi Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-Syarat Untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

Sesi 1985/86

University of Malaya

# PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum,

Syukur saya ke hadrat Ilahi yang telah memberi kekuatan dan kesabaran kepada saya demi untuk menyiapkan Latihan Ilmiah yang sebegini rupa. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga ingin saya ucapkan kepada orang-orang yang berkenaan yang telah memberi tunjuk ajar dan khidmat nasihat yang tidak ternilai demi untuk menyiapkan Latihan Ilmiah ini iaitu:

1. Prof. Madya Dr. Ahmad Kamar bin Abdul Rahman yang bertindak sebagai penyelia Latihan Ilmiah ini dan Cik Zaleha Hassan selaku penyelia kerja luar.

2. Tuan Pengurus Ladang Getah Bee Yong Sdn. Bhd., Kerdau, Temerloh, Pahang, Kakitangan-kakitangan pejabat dan responden yang telah ditemubual. Terima kasih kerana membenarkan pengkaji melihat dan menggunakan beberapa dokumen penting semasa menjalankan kajian.

3. Pihak pengurusan Sime Darby Bhd. yang telah membenarkan pengkaji menjalankan kajian di ladang yang terletak di bawah penganasannya.

University of Malaya

4. Tuan Pegawai Daerah Temerloh dan Tok Penghulu Mukim Kerdau atas kerjasama dan bantuan terutama dalam memberikan gambaran awal tentang tempat kajian khususnya dari segi keselamatan dan lokasi.

5. Tuan Guru Besar dan semua guru-guru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Bee Yong atas bantuan dan kerjasama serta minat yang mendalam terhadap kajian ini.

6. Tuan Pemangku Penjaga Balai, Balai Polis Kerdau serta kakitangan Pusat Kesihatan Kecil dan Klinik Perbidanan Kerdau atas kesudian memberikan maklumat dan kerjasama.

7. Kekanda Dr. Abu Talib Ahmad (USM) atas segala bantuan dan sokongan moral serta material yang telah dicurahkan demi untuk menjayakan Latihan Ilmiah ini.

8. Rakan-rakan seperjuangan seperti Zafir, Nasir dan lain-lain atas bantuan saudara-saudara semua.

Semuga segala pertolongan dan bantuan yang diberikan akan mendapat ganjaran yang setimpal dari Allah s.w.t.

Wassalam.

AZAMAN BIN AHMAD
043821
Kuala Lumpur
Disember 1985.

University of Malaya

## SINOPSIS

Latihan ilmiah ini adalah merupakan satu kajian kes mengenai masalah pelajaran dan ekonomi yang dihadapi oleh anak-anak dan pekerja ladang getah Bee Yong, Kerdau. Pengkaji cuba meninjau tentang jenis masalah yang dihadapi dan sebab-sebab timbulnya masalah tersebut. Oleh itu pengkaji membahagi dan menghuraikan penulisan ini kepada enam bab dan setiap bab akan membicarakan mengenai perkara-perkara tertentu.

Bab I iaitu bab pengenalan akan menghuraikan perkara-perkara mengenai masalah kajian, tujuan, bidang, metodologi yang digunakan, kesulitan-kesulitan semasa menjalankan kajian dan lain-lain lagi.

Bab II pula membincangkan tentang beberapa definisi, teori, konsep serta pengukuran kemiskinan yang telah digunakan di dalam penulisan latihan ilmiah ini.

Bab III pula meninjau tentang sejarah penubuhan ladang, struktur masyarakatnya dan lain-lain kemudahan asas yang telah disediakan.

Bab IV adalah tinjauan dan penganalisaan mengenai masalah-masalah yang bidang pelajaran seperti keadaan dan kedudukan sekolah, tingkat pelajaran ibubapa, buta huruf, pencapaian akademik dan sebagainya.

University of Malaya

Bab V pula tinjauan dan analisa akan ditumpukan kepada aspek-aspek ekonomi seperti tingkat pendapatan, pola perbelanjaan, pekerjaan, pemilikan dan lain-lain lagi.

Bab VI dan terakhir adalah merupakan kesimpulan dari analisa dan tinjauan yang telah dilakukan. Ia juga mengandungi beberapa saranan yang dirasakan sesuai dan munasabah berkaitan dengan penyelesaian kepada masalah ini.

University of Malaya

KANDUNGAN

Muka Surat

Penghargaan i

Sinopsis iii

Kandungan v

Senarai Jadual ix

Bab I : Pendahuluan

1.1 Pengenalan 1-2

1.2 Definisi Masalah 2-3

1.3 Tujuan Kajian 3-4

1.4 Bidang Kajian 4

1.5 Metode Kajian 4-5

1.6 Cara Pengumpulan Data 6

1.6.1 Borang Soal-selidik 6-7

1.6.2 Temuduga 7

1.6.3 Pemerhatian dan Penyertaan 8

1.6.4 Bahan-Bahan Bertulis 9

1.7 Kepentingan Kajian 9-10

1.8 Hipotesis 10-11

1.9 Pemilihan Tempat Kajian 11

1.10 Masalah Kajian dan Cara 11-14

1.11 Kesimpulan 14

University of Malaya

Muka Surat

Bab II : Teori, Konsep dan Ukuran Kemiskinan

2.1 Pendahuluan 15-16

2.2 Definisi, Konsep serta Pengukuran 16-21

2.3 Teori Kemiskinan 21-26

2.4 Kesimpulan 26-27

Bab III : Latarbelakang Tempat Kajian

3.1 Pengenalan 28

3.2 Sejarah Penubuhan 28-29

3.3 Geografi dan Penduduk 29-32

3.4 Politik dan Pentadbiran 32-34

3.5 Struktur Sosial 34

3.5.1 Pola-Pola Perhubungan Antara Kaum 34-35

3.5.2 Struktur Penginapan dan Kemudahan Asas 35-38

3.5.3 Taraf dan Kemudahan Kesihatan 38

3.6 Kesimpulan 38

Bab IV : Masalah Pelajaran

4.1 Pendahuluan 39

4.2 Kemudahan Pelajaran dan Kedudukan Sekolah 39-43

4.3 Sikap dan Persepsi Terhadap Pelajaran 43-46

4.4 Latarbelakang Pelajaran Keluarga 46-48

4.5 Pencapaian Akademik 48-50

4.6 Kadar Buta Huruf 50-51

University of Malaya

| | | Muka Surat |
|---|---|---|
| | 4.7 Ekspektasi Ibubapa Terhadap Pelajaran Anak-anak. | 52-54 |
| | 4.8 Saiz Keluarga | 55-57 |
| | 4.9 Kesimpulan | 58 |
| Bab V : | Latarbelakang Ekonomi | |
| | 5.1 Pendahuluan | 59 |
| | 5.2 Pekerjaan | 59-63 |
| | 5.3 Sumber dan Tingkat Pendapatan | 63-66 |
| | 5.4 Penjualan Susu Getah | 66-67 |
| | 5.5 Perbelanjaan | 67-72 |
| | 5.6 Pemilikan Harta | 72-75 |
| | 5.7 Simpanan dan Pelaburan | 75-76 |
| | 5.8 Sikap Terhadap Pekerjaan | 76-77 |
| | 5.9 Kesimpulan | 78 |
| Bab VI : | Kesimpulan dan Cadangan | |
| | 6.1 Pendahuluan | 79 |
| | 6.2 Sejauhmana Perkaitan Masalah Kajian | 80-83 |
| | 6.3 Saranan | 83-87 |
| | 6.4 Kesimpulan | 87-88 |
| Bibliografi | | 89 |

University of Malaya

Lampiran A : Peta 1

Peta 2

Peta 3

Lampiran B : Gambar

Lampiran C : Borang Soal-selidik.

University of Malaya

# SENARAI JADUAL


| Jadual | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 3.1 | Pecahan-Pecahan Ras | 31 |
| 3.2 | Pecahan Jawatan Mandur Mengikut Bidang Kerja dan Etnik | 33 |
| 4.1 | Taraf Pelajaran Ibubapa Murid-Murid | 47 |
| 4.2 | Taburan Tingkat Pelajaran | 49 |
| 4.3 | Ekspektasi Ibubapa Terhadap Tahap Pelajaran | 52 |
| 4.4 | Pekerjaan Untuk Anak-anak | 53 |
| 4.5 | Saiz Keluarga Mengikut Pecahan Ras | 56 |
| 5.1 | Semenanjung Malaysia: Anggaran Bilangan Pekerja Dalam Estet-estet pada Julai, 1978-1980. | 60 |
| 5.2 | Bilangan Penoreh Getah | 61 |
| 5.3 | Bilangan 'Weeder' | 61 |
| 5.4 | Kadar Upah | 63 |
| 5.5 | Semenanjung Malaysia: Kadar Kemiskinan Ikut Sektor 1970, 1975, 1980 | 65 |
| 5.6 | Perbelanjaan Makan Sebulan | 69 |
| 5.7 | Perbelanjaan Persekolahan | 71 |
| 5.8 | Pemilikan Harta | 73 |
| Rajah : | Lingkaran Ganas Kemiskinan | 22 |


University of Malaya

## BAB I

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Malaysia, sebagaimana juga dengan negara membangun yang lainnya sedang hebat 'berperang' dengan kemiskinan. Di negara yang sedang membangun ini, gejala kemiskinan dianggap sebagai suatu penyakit yang amat merbahaya yang boleh mengancam dan menggugat kestabilan sesebuah negara. Betapa tidaknya hal ini kalau kita melihat kepada beberapa buah negara ASEAN[1] seperti Thailand dan Filipina yang kerap terganggu kestabilan politiknya yang berpunca dari krisis ekonomi dan sosial.

Begitulah juga halnya dengan Malaysia. Kerajaan begitu memandang berat terhadap hal ini kerana takut ianya dijadikan isu oleh parti-parti politik dan seterusnya mengancam keharmonian dan kestabilan negara ini. Keadaan kacau bilau yang dikaitkan dengan ekonomi ini pernah berlaku dengan tercetusnya peristiwa 13 Mei, 1969 dan demonstrasi petani di Baling, Kedah yang dikatakan telah dipelopori oleh golongan sayap kiri.

Beberapa seminar dan perbincangan telah diadakan untuk membincangkan hal-hal mengenai kemiskinan rakyat dan cara-cara untuk

---

[1] ASEAN adalah singkatan dari Association of South East Asian Nations (Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara) yang terdiri dari Thailand, Malaysia, Singapura, Indonesia, Berunai Darulsalam dan Filipina.

University of Malaya

mengatasinya. Kita juga harus melihat kepada objektif kerajaan yang telah melancarkan rancangan-rancangan pembangunan yang diikuti dengan kajian separuh penggal setiap rancangan-rancangan pembangunan tersebut untuk meninjau dan mengetahui keberkesanannya dan sejauhmana ia benar-benar mendatangkan faedah kepada rakyat.

Kajian kemiskinan yang telah dilakukan oleh pengkaji ini juga adalah sebagai untuk meninjau sejauhmanakah keberkesanan rancangan-rancangan pembangunan yang telah dijalankan oleh kerajaan. Walaupun kajian ini tidak meninjau secara menyeluruh dan tidak dapat pula dianggap sebagai suatu kajian yang lengkap, adalah diharapkan ianya dapat memberi manfaat yang besar kepada kita semua dan sebarang kelemahan yang ada padanya akan dapat diperbaiki oleh pengkaji-pengkaji yang akan datang.

## 1.2 Definisi Masalah

Masalah utama kajian ini ialah kemiskinan. Oleh kerana aspek-aspek yang dapat dihubungkan dengan kemiskinan adalah terlalu banyak dan luas jika mahu dibincangkan, maka pengkaji akan hanya menumpukan kepada dua aspek utama iaitu masalah ekonomi dan pelajaran pekerja ladang berkenaan.

Kedua-dua perkara ini diberi perhatian utama kerana ianya dirasakan penting dan mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan kemiskinan. Seterusnya akan ditinjau juga bagaimana latarbelakang ekonomi memainkan peranan utama yang menyebabkan seseorang itu menjadi miskin atau berada

University of Malaya

dalam tahap kemiskinan. Kita akan dapat melihat tentang pola pemilikan harta, tingkat pendapatan, pola perbelanjaan, jenis pekerjaan dan lain-lain faktor ekonomi memainkan peranan dan mempunyai kesan yang mendalam untuk mempengaruhi kadar kemiskinan.

Seterusnya pengkaji akan membuat tinjauan tentang peranan pelajaran dan pendidikan, masalah-masalah yang dihadapi oleh anak-anak dalam mendapatkan pelajaran, halangan dan cabarannya, sikap ibubapa terhadap pelajaran anak-anak, sikap murid-murid sendiri terhadap pelajaran, pengharapan mereka terhadap pencapaian pelajaran masing-masing dan lain-lain aspek.

## 1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mendedahkan kepada umum tentang tingkat kemiskinan yang dihadapi oleh pekerja ladang getah tersebut. Ia juga dapat menunjukkan kepada kita bahawa taraf dan kemudahan pelajaran yang diterima oleh mereka sekarang ini tidak mencukupi sekiranya kerajaan bercadang membasmi kemiskinan melalui penyediaan peluang-peluang pelajaran yang baik. Secara kasarnya ia bertujuan melihat kemiskinan dari dua aspek utama iaitu tingkat pelajaran dan latarbelakang ekonomi.

Adalah dirasakan wajar penderitaan dan kesempitan yang dialami oleh pekerja ladang ini didedahkan sebagai suatu tanda simpati terhadap mereka. Tambahan pula tenaga yang telah dicurahkan untuk pengeluaran getah iaitu sebagai salah satu bahan eksport utama negara bukanlah sedikit. Jadi amatlah sesuai sekiranya tenaga yang telah dicurahkan

untuk memperkenalkan negara sebagai 'gergasi getah dunia' dihargai sekurang-kurangnya dengan mendedahkan sebahagian daripada masalah mereka untuk pengetahuan dan makluman kerajaan dan agensi-agensi yang terlibat. Mudah-mudahan mereka akan mengambil tindakan yang berkesan untuk memperbaiki keadaan ini.

## 1.4 Bidang Kajian

Seperti yang telah dinyatakan di awal tadi bahawa kajian ini akan hanya menumpukan kepada aspek ekonomi dan pelajaran sebagai asas perbincangan dan kajian. Maklumat-maklumat yang diperolehi adalah berdasarkan kepada responden yang tinggal di sebuah ladang getah sahaja. Ini bermakna aspek-aspek lain yang juga ada kaitan dengan kemiskinan tidak akan disentuh di dalam kajian ini. Ianya tidaklah bermakna bahawa lain-lain hal itu tidak penting lantas ditinggalkan begitu sahaja.

Disebabkan oleh kajian ini sangat terhad, maka pengkaji tidaklah dapat membuat kajian perbandingan iaitu untuk membandingkan tempat kajian dengan lain-lain ladang getah.

## 1.5 Metode Kajian

Kaedah yang telah digunakan di dalam kajian ini dikenali sebagai Sistematik Sampling. Ini bermakna bahawa responden yang dipilih hanya mewakili sebahagian kecil dari seluruh responden di sesuatu tempat. Kaedah ini dapat dilakukan dengan mendapatkan kesemua jumlah penduduk yang tinggal di sesuatu tempat dan dibahagikan dengan 50 iaitu jumlah yang kita kehendaki.

Jawapannya tadi akan menjadi nombor asas dan digunakan sebagai jarak perbezaan dengan responden-responden seterusnya. Katakan jumlah responden kesemuanya adalah 200 orang dan kita hanya memerlukan seramai 50 orang sahaja. Jadi,

$$\frac{200}{50} = 4$$

maka nombor 4 tadi akan diambil sebagai nombor asas iaitu responden yang berada pada nombor 4 dalam senarai banci listing adalah dikira sebagai responden pertama, responden nombor 8 sebagai responden kedua dan seterusnya.

Dalam kajian ini jumlah semua responden dalam banci listing ialah lebih kurang 100 orang. Jadi nombor asasnya ialah 2. Jumlah responden yang sedikit ini ialah kerana ianya hanya terhad kepada sebuah ladang getah sahaja dan setengah responden tiada di rumah walaupun beberapa kali pengkaji pergi untuk mendapatkan nama mereka.

Walau bagaimanapun kaedah ini terdapat juga kelemahannya. Ini ialah kerana kaedah ini telah menetapkan mana-mana responden yang mesti ditemui tanpa sebarang pertimbangan lain dan hanya berpandukan kepada nombor asas yang telah ditetapkan terlebih dahulu. Akibatnya berlaku kes-kes di mana responden yang harus ditemui tadi terdiri dari orang-orang yang sudah tua dan tidak berkemampuan untuk memberi maklumat-maklumat yang diperlukan. Kerap kali pengkaji terpaksa menukarkannya dengan responden-responden yang selepasnya bergantung kepada keadaan dan kesesuaiannya.

## 1.6 Cara Pengumpulan Data

Terdapat beberapa cara atau teknik dalam pengumpulan data dalam sesebuah kajian. Oleh kerana kajian ini penting maka cara-cara pengumpulan data yang digunakan haruslah berkesan dan dapat memberikan faedah yang semaksima mungkin serta data-data yang tepat. Kaedah-kaedah yang telah digunakan akan diterangkan satu persatu seperti di bawah ini.

### 1.6.1 Borang Soal-Selidik

Penggunaan borang soal-selidik adalah merupakan salah satu dari cara-cara untuk mendapatkan data atau maklumat-maklumat tentang responden yang dikaji. Di dalam kajian kemiskinan ini pengkaji telah disediakan dengan 50 set borang soal-selidik yang setiap satunya setebal 21 muka surat yang mengandungi beberapa soalan. Soalan-soalan tersebut dapat pula dipecah-pecahkan kepada beberapa bahagian seperti maklumat-maklumat mengenai ketua keluarga, tingkat pendapatan, tingkat pelajaran, persepsi, pemilikan harta, perbelanjaan dan tingkat pengeluaran.

Soalan-soalan yang disediakan adalah terdiri dari dua jenis atau bentuk iaitu 'Open-ended' dan 'Close-ended'. Open-ended bermaksud soalan-soalan yang dikemukakan kepada responden adalah bebas dijawab oleh responden itu sendiri dan tidak diarah atau terikat dengan mana-mana jawapan. Soalan jenis ini dapat dilihat pada bahagian maklumat peribadi, pemilikan dan perbelanjaan dan lain-lain lagi.

University of Malaya

Close-ended pula ialah bentuk soalan dimana responden terikat dalam mengemukakan jawapan terhadap soalan-soalan yang dikemukakan kepadanya. Responden telah disediakan beberapa jawapan dan hanya dikehendaki memilih jawapan-jawapan yang difikirkan sesuai olehnya. Ini bermakna responden tiada kebebasan dalam memberikan jawapan.

Bagi mendapatkan maklumat dengan menggunakan borang soal-selidik ini, pengkaji telah membacakan soalan-soalan kepada responden dan mereka hanya memberikan jawapan secara lisan. Ini adalah kerana ramai responden yang tidak tahu membaca, menulis dan memahami Bahasa Malaysia dengan baik. Contoh-contoh borang soal-selidik ini akan dilampirkan di bahagian belakang penulisan kajian ini.

1.6.2 <u>Temuduga</u>

Cara kedua ialah dengan menggunakan teknik temuduga atau 'interview'. Cara ini digunakan bertujuan untuk mendapatkan maklumat tambahan yang diperlukan oleh pengkaji yang mana maklumat-maklumat tersebut tidak boleh didapati dengan menggunakan borang soal-selidik.

Antara pihak yang terlibat dengan teknik interview ini ialah pihak sekolah, klinik, Balai Polis, Pengurus ladang, Penghulu dan responden sendiri. Teknik ini difikirkan sesuai digunakan kerana ianya dapat menyungkil maklumat-maklumat dengan lebih lanjut dan mendalam. Temuduga yang dijalankan adalah berpandukan kepada topik-topik yang telah dipilih dan soalan-soalannya telah disediakan oleh pengkaji terlebih dahulu supaya ianya tidak menyimpang dari maksud sebenar.

University of Malaya

1.6.3 Pemerhatian dan Penyertaan

Pengkaji juga telah menggunakan teknik pemerhatian dan penyertaan atau 'Participant Observation'. Maksudnya pengkaji terpaksa tinggal di tempat kajian untuk beberapa lama dan bercampur gaul dengan responden di tempat tersebut sehingga memperolehi maklumat-maklumat yang diperlukan. Menurut John Ligget dan Raymond Cochrane,

> "Social science is not limited to this sort of information (that is available data) however and much useful data can be collected by observation. Observation of a large or small collections of people may be undertaken by individuals or by teams of investigations working together. Very often the observer may be a member of the group he is observing - i.e. he is a participant observer and his involvement in the group raises some interesting problems of its own".[1]

Dalam kajian ini pengkaji tidaklah pula pergi menoreh bersama-sama dengan responden tetapi sekadar mengikut mereka ke ladang getah dan memerhatikan mereka melaporkan diri di waktu pagi sebelum pergi ke tempat kerja masing-masing.

Melalui cara ini pengkaji dapat memerhatikan cara hidup mereka seharian dan bagaimana mereka berinteraksi sama ada di antara pekerja, pekerja dengan majikan, majikan dengan pihak sekolah, ibubapa dengan guru-guru dan sebagainya.

---

[2]Ligget, John dan Cochrane, Raymond, Exercise in Social Science, 1968, Constable & Co. Ltd., London, m.s. 76.

1.6.4 Bahan-Bahan Bertulis

Pengkaji juga terpaksa mendapatkan maklumat dari bahan-bahan bertulis atau 'secondary data' untuk melengkapkan kajian ini. Ini termasuklah rujukan perpustakaan (library research) untuk menerangkan konsep yang berkaitan dengan kajian ini seperti kemiskinan, pembangunan dan sebagainya serta untuk mendapatkan maklumat dari kajian-kajian terdahulu. Selain dari itu ia juga penting untuk memperkuatkan sesuatu kenyataan yang diutarakan oleh seseorang pengkaji jika pandangannya mempunyai persamaan dengan pengkaji sebelumnya.

1.7 Kepentingan Kajian

Adalah tidak dapat dinafikan bahawa kajian ini mempunyai kepentingan-kepentingan tertentu. Selain daripada memenuhi keperluan akademik bagi Universiti, ia juga dapat menunjukkan kepada kita tentang jumlah peratusan kemiskinan mengikut kaum di ladang berkenaan, bagaimana layanan yang diberikan oleh pihak majikan kepada pihak pekerja dan kemudahan-kemudahan yang boleh mereka perolehi sebagai ahli persatuan pekerja ladang.

Ia juga sedikit sebanyak dapat memberi gambaran kepada kita sama ada strategi-strategi rancangan pembangunan Malaysia dapat memberikan kesan yang merata kepada seluruh rakyat atau hanya untuk sebilangan kecil sahaja. Kita juga akan dapat melihat mengapa mereka masih diletakkan di bawah garis kemiskinan walhal jumlah pendapatan mereka sudah melebihi jumlah pendapatan yang ditetapkan untuk meletakkan sese-

---

University of Malaya

orang di bawah paras kemiskinan. Berdasarkan kepada kajian ini juga kita dapat mengukur sejauhmana rakyat menyahut seruan kerajaan untuk meningkatkan ekonomi sendiri demi kepentingan keluarga mereka pada masa depan.

## 1.8 Hipotesis

Hipotesis adalah keputusan-keputusan awal yang dibuat oleh seseorang pengkaji itu sebelum memulakan penulisan mengenai kajian yang telah dilakukannya. Hipotesis yang telah dibuat itu tidak semestinya betul dan ianya hanya akan teruji kebenarannya setelah pengkaji berkenaan memproses data-data yang dimilikinya. Pengujian hipotesis juga hendaklah berpandukan kepada teori yang telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji yang terdahulu atau penciptaan teori baru. Mungkin juga berlaku tokok tambah kepada teori yang telah sedia ada.

Secara ringkasnya pengkaji telah membuat beberapa hipotesis awal iaitu:

i. Kemiskinan mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan latarbelakang ekonomi.

ii. Tingkat pelajaran yang rendah mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan kemiskinan.

iii. Kejayaan atau kemunduran anak-anak di bidang pelajaran mempunyai kaitan yang rapat dengan peranan ibubapa di rumah.

...

Berdasarkan kepada hipotesis-hipotesis tadi kita tidak boleh membuat keputusan secara mendadak atau melulu, sebaliknya hendaklah diperlihatkan aspek-aspek tertentu berpandukan data-data yang ada untuk mengesahkan hipotesis-hipotesis tersebut.

1.9 Pemilihan Tempat Kajian

Bagi menjalankan kajian mengenai kemiskinan ini, pihak Jabatan Antropologi dan Sosiologi telah menetapkan tempat-tempat tertentu di seluruh Malaysia. Tempat-tempat berkenaan mempunyai latarbelakang yang berlainan iaitu sama ada kegiatan ekonominya berteraskan pertanian seperti padi dan getah ataupun perikanan. Pengkaji sendiri telah ditempatkan di salah sebuah ladang getah untuk mengetahui atau memperolehi maklumat-maklumat mengenai pekerja ladang getah. Ini juga bererti pengkaji tidak mempunyai kuasa atau pengaruh di dalam menentukan sendiri tempat yang mahu dikaji.

1.10 Masalah Kajian dan Cara Mengatasi

Semasa menjalankan kajian mengenai kemiskinan ini, pengkaji telah menghadapi berbagai-bagai masalah dan rintangan. Ada di antara masalah-masalah itu telah dapat diselesaikan dalam jangka masa yang singkat dan memuaskan manakala ada pula yang memerlukan masa yang agak panjang. Sebelum pengkaji pergi ke tempat kajian, pengkaji telah cuba untuk berhubung dengan Dato' Penghulu Mukim Kerdau bagi melaporkan diri dan mendapatkan sedikit sebanyak maklumat mengenai latarbelakang tempat

---

kajian. Malangnya pengkaji terpaksa menunggu kira-kira tiga jam barulah dapat berjumpa dengan penghulu berkenaan kerana beliau mempunyai urusan lain di bandar Temerloh.

Ketika pengkaji hendak melaporkan diri di ladang berkenaan pula, pihak pengurus ladang telah memberitahu bahawa mereka belum lagi mendapat surat kebenaran dari Ibu Pejabat Sime Darby di Kuala Lumpur untuk membenarkan mana-mana pengkaji membuat kajian di situ. Kelewatan mendapatkan surat kebenaran ini berpunca dari kesilapan yang telah dilakukan oleh pihak Jabatan Antropologi dan Sosiologi sendiri yang telah menghantar kedua-dua surat asal dan salinan kepada pihak pengurusan ladang. Sepatutnya surat asal tersebut hendaklah dihantar kepada pihak Sime Darby di Kuala Lumpur. Pengkaji terpaksa menunggu kira-kira 4 hari dari tarikh sebenar pengkaji ingin memulakan kajian. Ini ialah kerana pegawai yang mengendalikan hal tersebut sedang menghadiri mesyuarat di luar Kuala Lumpur dan akan hanya pulang ke Kuala Lumpur empat hari berikutnya.

Pengkaji hanya dapat berjumpa dengan responden selepas pukul 2.30 petang. Ini adalah disebabkan kebanyakan dari mereka bekerja di sebelah pagi. Mereka juga memerlukan masa untuk menyediakan makanan untuk keluarga dan membersihkan diri. Kadang-kadang berlaku juga keadaan di mana ketua isi rumah tiada di rumah manakala isterinya pula takut memberi atau tidak tahu mengenai maklumat suami. Ianya terpaksalah ditangguhkan pada waktu lain sehinggalah pengkaji dapat berjumpa dengan responden berkenaan.

University of Malaya

Pada hari pembayaran gaji, pengkaji tidak dapat menjalankan kajian kerana ramai pekerja ladang yang mabuk dan selalu tercetus pergaduhan di antara mereka. Hal ini telah awal-awal lagi diberitahu oleh Pengurus ladang berkenaan.

Terdapat ramai responden yang tidak dapat menguasai Bahasa Malaysia dengan baik dan tidak faham maksud soalan yang sebenarnya. Ada juga yang mencurigai tujuan sebenar pengkaji dan ada yang mengatakan bahawa pengkaji adalah seorang anggota Polis dan sebagainya. Ini adalah kerana kawasan ini pernah terjadi peristiwa hitam di mana berlaku keganasan pengganas Komunis. Bagi memberikan penjelasan tentang tujuan kajian dan maksud soalan, pengkaji kadang-kadang terpaksa menggunakan jurubahasa dari kalangan pekerja ladang itu sendiri.

Ada juga responden yang tidak memberikan kerjasama yang sepenuhnya seperti bila disoal, mereka seolah-olah tidak memperdulikan tentang interview yang sedang berjalan dan sempat berbual-bual dengan rakan-rakan. Setengahnya pula meminta pandangan rakan-rakan untuk memberikan jawapan.

Ada soalan-soalan yang dianggap terlalu sensitif oleh responden seperti keahlian dalam politik dan tingkat pendapatan. Mereka takut sekiranya ideologi politik mereka bercanggah dengan pengkaji walaupun telah diterangkan bahawa pengkaji adalah berkecuali di dalam soal ini.

Kawasan persekitaran yang kurang menyenangkan seperti anjing yang berkudis, longgokan najis manusia dan binatang dan bau udara yang busuk juga telah mengganggu penumpuan pengkaji di dalam menjalankan kajian. Setengah-setengah rumah responden pula memelihara anjing yang agak liar dan ganas. Ini menyulikan pengkaji untuk menghampiri rumah berkenaan.

## 1.11 Kesimpulan

Berdasarkan kepada keterangan dan penjelasan yang telah diberikan tadi iaitu berkenaan dengan definisi masalah, tujuan kajian, bidang kajian, metode kajian, cara-cara atau teknik pengumpulan data, kepentingan kajian, hipotesis, pemilihan tempat kajian, masalah kajian dan cara-cara mengatasinya kita akan dapat gambaran awal tentang kajian yang telah dijalankan ini.

Dalam Bab yang seterusnya kita akan dapat mengetahui sama ada hipotesis-hipotesis yang telah diberikan tadi betul atau tidak.

University of Malaya

## BAB II

## TEORI, KONSEP DAN UKURAN KEMISKINAN

### 2.1 Pendahuluan

Dasar Ekonomi Baru telah dirangka dengan matlamat jangka panjang untuk mencapai perpaduan negara melalui strategi serampang dua mata.[1] Strategi pertama ialah untuk mengurang dan seterusnya membasmi kemiskinan dengan cara meninggikan taraf pendapatan serta menambah peluang pekerjaan bagi semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum. Strategi kedua pula ialah untuk mempercepatkan proses penyusunan semula masyarakat Malaysia bagi memperbaiki keadaan ekonomi yang tidak seimbang antara kaum supaya dapat mengurang dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi.

Untuk mencapai matlamat ini, berbagai program yang telah, sedang dan akan dijalankan oleh pihak kerajaan seperti menyediakan peluang-peluang pekerjaan yang lebih baik, meninggikan daya pengeluaran dan pendapatan penduduk khususnya di luar bandar, menyediakan lebih banyak kemudahan-kemudahan prasarana dan lain-lain. Jadi apa yang ditekankan di sini ialah perhatian berat yang telah diberikan kepada dua aspek iaitu pelajaran dan tingkat pendapatan atau kedudukan ekonomi rakyat. Ini bermakna bahawa kedua-dua perkara tadi adalah di antara

---

[1] Malaysia, Rancangan Malaysia Keempat, 1981-1985, m.s. 35.

beberapa perkara atau aspek penting yang mempunyai kaitan kuat dengan kemiskinan dan diharapkan supaya ianya menjadi senjata yang tajam untuk menghapus atau setidak-tidaknya mengurangkan kadar kemiskinan.

Bab ini seterusnya akan meninjau beberapa teori yang bersangkutan dengan pelajaran dan ekonomi serta kaitannya dengan kemiskinan rakyat serta menghuraikan beberapa definisi, konsep serta pengukuran kemiskinan. Oleh kerana penulisan kajian ini sangat terhad, maka tidaklah dapat diperturunkan semua definisi serta konsep mengenai kemiskinan.

## 2.2 Definisi, Konsep serta Pengukuran

Banyak definisi yang telah diberikan oleh ahli sains sosial mengenai kemiskinan ini yang umumnya bersangkutan dengan kemudahan-kemudahan sosial. Manakala ahli-ahli Ekonomi pula memasukkan ciri-ciri ekonomi ke dalam takrifan mereka. Seorang ahli Sosiologi iaitu Martin Rein, mendefinisikan kemiskinan sebagai,

> Poverty may be regarded as subsistence, inequality or externality. Subsistence is concerned with minimum provision needed to maintain health and working capacity... Inequality is concerned with relative position of income group to each other... externality is concerned with the social consequences of poverty for the rest of society rather than in terms of the needs of the poor.[1]

---

[1]Rein, M., "Problem in the Definition and Measurement of Poverty" dalam Peter Townsend (ed.), The Concept of Poverty, London Heinemann, 1971, m.s. 46.

Seperti yang telah dikatakan tadi ahli-ahli Sosiologi tidak saja melihat kepada soal pendapatan, tetapi agihan pendapatan, peluang-peluang sosial dan ekonomi juga perlu dipertimbangkan dalam menghurai konsep kemiskinan atau ringkasnya mereka melihat dalam rangka kerja (framework) masalah sosial.[1]

Cox George[2] pula telah merujuk golongan miskin sebagai mereka yang hidupnya terperangkap dalam suasana buta huruf dan jangka kehidupan yang singkat sehingga mereka tidak berupaya menjalani atau menikmati nilai-nilai yang paling asas dalam lingkungan hidup mereka.

Menurut Kamal Salih[3] kemiskinan ialah:

(a) golongan yang tidak mempunyai pendapatan yang cukup (inadequacy of income);

(b) golongan yang tidak mempunyai 'access' kepada sumber-sumber kuasa sosial (hak bersuara, politik, milikan punca-punca pengeluaran, pendidikan dan lain-lain);

(c) golongan yang tidak menikmati keperluan-keperluan asas (perlindungan, pemakanan, pendidikan asas, kesihatan, pekerjaan dan sebagainya).

---

[1] C. Waxman, Stigma of Poverty: A Critique of Poverty Theories and Policies, New York, Pergamon Press, 1977, m.s. 1.

[2] N.A. Cox George, Diskusi September/Oktober, 1980, m.s. 103.

[3] Kamal Salih, Kertas Seminar "Kemiskinan Luar Bandar", Alor Setar, Kedah (21-23 April, 1983) dalam TNC USM, pp. 1 Hal Ehwal Akademik).

Beliau selanjutnya menambah bahawa konsep atau pengertian kemiskinan haruslah merangkumi faktor-faktor struktural (ekonomi, agihan pendapatan dan kuasa-kuasa sosial yang lain) yang menentukan kedudukan golongan miskin dalam susunan masyarakat keseluruhannya dan juga faktor-faktor 'conjunctural' (yang merangkumi tekanan-tekanan semasa mengikut aliran perkembangan ekonomi dan sosial masa kini).

Ada tiga ciri penting yang membezakan golongan miskin dengan golongan bukan miskin:

i. Keterancaman (vulnerability), golongan miskin mudah ditimpa malapetaka hidup yang tidak stabil dan tentu arah (inflasi, harga getah turun, pembuangan dari kerja dan lain-lain).

ii. Pilihan terhad (limited option), golongan miskin tidak ada pilihan hidup (pilihan kerja, pelajaran anak-anak, keseronokan hidup) yang luas jika dibandingkan dengan golongan yang lebih berada.

iii. 'Access' yang terhad (limited access); tertekan oleh kedudukan mereka yang melemahkan semangat jaya diri oleh sebab tidak berkuasa, tidak ada cagar kuasa (pemilikan tanah/harta) untuk digunakan supaya dapat mengubah keadaannya (masalah struktur).

J.L. Roach dan J.K. Roach mendefinisikan kemiskinan sebagai "... an insufficiency of basic needs".[1]

Terdapat dua kaedah yang telah dilakukan untuk mengukur kemiskinan iaitu kaedah mutlak (absolute) dan kaedah relatif. Kaedah mutlak mengukur kemiskinan dengan menentukan 'garis kemiskinan' yang didasarkan pada pendapatan minimum yang hanya cukup untuk memenuhi keperluan asas serta kemudahan sosial. Untuk menentukan garis kemiskinan diperlukan satu standard minima bagi pendapatan sesebuah keluarga tersebut. Garis kemiskinan pada tahun 1974 ialah $25.00 sebulan atau $150.00 bagi enam orang bagi sekeluarga.

Pada tahun 1982 anggarannya ialah $300.00 bagi satu keluarga. Kajian SERU[2] pada tahun 1983 menetapkan garis kemiskinan sebanyak $384.00 bagi pendapatan bulanan satu keluarga seramai 5 orang. Berdasarkan kepada angka tersebut terdapat kira-kira 42.8% daripada penduduk negara berada pada paras kemiskinan. Garis kemiskinan ini adalah berbeza antara satu negara dengan satu negara berdasarkan kepada taraf hidup, keadaan ekonomi dan sebagainya.

Kaedah kedua pula ialah secara relatif atau perbandingan yang lebih menekankan aspek kemasyarakatan (sosiologi). Oleh kerana pendapatan, pemilikan dan pekerjaan boleh menimbulkan perbezaan ekonomi dan

---

[1] Roach, J.L. dan Roach, J.K., Poverty, Penguin Books, 1972.

[2] Socio-economic Research Unit: Malaysian Business, Poverty, March 1, 1984, m.s. 23.

pemeringkatan sosial iaitu sistem susunlapis yang melahirkan kelas atasan, pertengahan dan bawahan. Dengan kata lain cara relatif membandingkan kemiskinan dengan kedudukan taraf hidup masyarakat itu keseluruhannya iaitu secara terus mengaitkan kemiskinan dengan agihan pendapatan dalam masyarakat.

Cara ini dilakukan dengan membandingkan pendapatan Negara Kasar dengan berbagai-bagai kumpulan penduduk sama ada mengikut purata pendapatan mereka, etnik, kawasan kediaman, bandar atau luar bandar dan sebagainya. Ini bermakna golongan yang miskin ialah mereka yang menerima purata pendapatan yang paling rendah dari segi agihan pendapatan negara. Ukuran ini dianggap lebih tepat kerana ia dapat menunjukkan agihan pendapatan antara kumpulan-kumpulan penduduk dalam satu jangka masa tertentu. Pertambahan purata pendapatan sesuatu kumpulan dan pertambahan kemudahan asas yang mereka terima tidak bererti kedudukan mereka telah menjadi lebih baik kerana besar kemungkinan bahagian pendapatan Negara Kasar mereka tidak berubah atau mungkin pertambahannya adalah dalam kadar yang lebih rendah mengikut golongan lain.

Terdapat juga satu cara lain yang menggabungkan kedua-dua cara tersebut yang dipanggil 'pendekatan diskriptif' yang ada sistem petunjuk multi-dimensional yang memberi gambaran sepenuhnya kedudukan golongan miskin (pendapatan, pendidikan, pekerjaan, lokasi, kaum dan lain-lain) di mana dipanggil satu 'profail kemiskinan' dan membolehkan kumpulan sasaran dikenali atau dikesan. Ini bersesuaian dengan pendapat Peter Townsend yang mengatakan,

> "... they are rich or poor according to their share of resources that are available to all. This is true as much as nutritional as monetary or even educational resources".[1]

## 2.3 Teori Kemiskinan

Banyak pendapat dan teori yang telah dikemukakan oleh para pengkaji dan ahli-ahli teori mengenai sebab-sebab berlakunya kemiskinan. Ada yang melihat dari sudut pendapatan, pelajaran, sikap dan sebagainya. Dalam memperkatakan tentang kemiskinan, ia bukanlah hanya ketidakmampuan untuk memenuhi keperluan asas dan kemudahan sosial, tetapi juga merupakan 'keadaan ketidakseimbangan' dari segi sosial dan ekonomi di mana golongan bawahan yang menduduki strata yang bawah sekali tidak ada atau kurang peluang-peluang ekonomi dan sosial yang sewajarnya seperti mana yang diperolehi oleh golongan lain dalam masyarakat itu. Dalam cubaan menghuraikan kemiskinan, teori-teori kemiskinan juga gagal untuk memberi huraian yang tepat bagi membantu rancangan pembangunan untuk mengatur strategi yang lebih berkesan.

'Lingkaran Ganas Kemiskinan' adalah merupakan salah satu cara untuk menghuraikan tentang kemiskinan. Ia adalah merupakan beberapa komponen yang bertindak antara satu sama lain yang menyebabkan sukar untuk seseorang melepaskan diri dari cengkaman ganas tersebut.

---

[1] Townsend, P., "The Meaning of Poverty", dalam British Journal of Sociology, Vol. 13, 1962, m.s. 225.

University of Malaya

Rajah: Lingkaran Ganas Kemiskinan




Gambarajah di atas tadi menunjukkan perkaitan antara beberapa faktor yang menyebabkan kemiskinan, pendapatan yang rendah dikaitkan pula dengan tingkat pelajaran yang rendah yang dimiliki yang tidak membenarkannya menjawat jawatan yang bergaji lumayan. Begitu juga dengan sistem nilai dalam sesuatu masyarakat itu boleh menentukan jumlah saiz keluarga. Saiz keluarga pula boleh menentukan taraf pelajaran yang akan diterima oleh anak-anak yang akan ada kaitan terus dengan pendapatan dan pelajaran. Begitu juga dengan cara pemakanan dan proses perbelanjaan mempunyai perkaitannya antara satu sama lain.

Dalam melihat 'Budaya Miskin' (culture of poverty) ada tiga andaian asas mengenai golongan miskin:

i. "Their being different, with respect of a whole set of patterns of behaviour; it's suggested; set them apart basically from the rest of the society.

ii. The lower clan culture is seen as manifesting patterns of behaviour and values which are characteristically different from those of dominant society and culture.

iii. Their unique pattern of behaviour and values are transmitted intergenerationally though socialization had become sub-cultural determinant of the lower socio-economic status of the poor".[1]

Budaya miskin menyatakan golongan yang miskin ada memiliki beberapa ciri yang tertentu yang telah dihasilkan dari budaya yang mereka hasilkan. Budaya miskin adalah hasil dari pengaruh hidup dalam kemiskinan. Contohnya kanak-kanak dari golongan miskin/kelas bawahan lazimnya mempunyai taraf pencapaian yang rendah, bersikap aggresif, berserah kepada nasib/sikap fatalisma, keinginan yang terbatas dan lain-lain.

Oscar Lewis pula memberikan pendapat mengenai budaya miskin sebagai:

---

[1]Waxman, Chain, T., The Stigma of Poverty, Theories and Policies, New York, 1977, Bab 1.

> "... both adaptation and reaction of the poor to their marginal position in a class... stratified highly individual capabilistic society".[1]

Beliau seterusnya menambah, ciri-ciri budaya miskin seperti kurang keyakinan, tanggungjawab ibubapa yang lemah, tabiat suka minum arak, sikap rendah diri dan kerja sama komuniti yang lemah yang menggambarkan cara hidup yang negatif yang terdapat di kalangan golongan miskin ini mendapat kritik dari beberapa orang pengkaji. Menurut Valentine,

> "... the culture of poverty nation as anociated ideas distort the reality of life among the poor, prejudice our understanding of that life, and encourage policies which perpetuate the disadvantages associated with poverty".[2]

Terdapat juga teori yang menekankan kepada bilangan penduduk yang tinggi akan menjejaskan pembangunan dan seterusnya menyebabkan penduduknya terjebak dalam kemiskinan. Teori ini telah diperkatakan oleh Malthus, seorang ahli demografi-ekonomi yang telah menyarankan agar diwujudkan 'zero growth' dalam kadar kelahiran penduduk. Maksudnya jumlah anak A mestilah sama dengan jumlah adik-beradik keluarganya. Kalau A punya seorang sahaja saudara kandung maka iapun cuma perlu mempunyai 2 orang anak saja atau kurang.

---

[1]Lewis, Oscar, Penerangan ciri-ciri dari konsep 'budaya miskin', Kajian dilakukan terhadap lima buah keluarga, Five Families Mexican Case Studies in the Culture of Poverty, New York, Basic Books, 1959.

[2]Valentine, C.A., "Culture of Poverty", University of Chicago Press, Chicago, 1972.

Menurut A.J. Coale dan Hoover pula kadar kelahiran penduduk yang rendah memungkinkan kadar pendapatan perkapita yang tinggi. Lebih khusus lagi jika sekiranya kadar pertambahan penduduk melalui pengurangan kelahiran akan dapat menurunkan kadar pergantungan kanak-kanak dan ini bermakna kos perkapita dalam hal-hal perumahan, pelajaran dan lain-lain menjadi kurang dalam jangka masa pendek. Dengan penurunan kos perkapita adalah diandaikan bahawa kemungkinan besar timbulnya potensi pelaburan yang lebih tinggi dan menurut andaian mereka lagi dalam jangka masa yang panjang pertumbuhan tenaga buruh yang perlahan akan membantu mempercepatkan dalam pelaburan modal setiap pekerja dan ini akan meningkatkan lagi produktiviti pekerja.

Terdapat juga teori yang lebih menekankan pada struktur sosio-ekonomi masyarakat yang tidak sama adil dan memeras golongan miskin. Ini ada diperkatakan oleh Ungku A. Aziz dalam teori 2M nya (monopoli-monopsoni). Ia ada hubungan dengan pengawalan faktor-faktor pengeluaran oleh pemodal serta penindasannya dengan menggunakan sistem kredit dan faedah yang tinggi. Pada peringkat yang lebih luas wujudlah hubungan saling bergantung antara 'patron-client' yang kesannya cuma melemaskan petani dalam putaran ganas kemiskinan yang tidak berpenghujungan.

Teori ini lebih menekankan faktor konflik tetapi tidak bermakna ia mirip kepada pendekatan Marxist yang sering mengaitkan perjuangan kelas dengan mode pengeluaran sebagai faktor penting untuk mewujudkan perubahan dalam masyarakat.

Andaian bagi pendekatan ini ialah mengakui adanya peranan sejarah dalam penentuan pembangunan tetapi untuk mencapai tahap modenisasi ianya tidaklah memerlukan kebangkitan yang bercorak revolusioner. Menurut pendekatan ini wujud equalibrium yang sentiasa bergerak dan tidak statik. Ini terpulanglah kepada parti politik yang mewakili sesuatu golongan untuk mencari equalibrium yang baru dalam konteks perubahan masyarakat.

Pendekatan ini juga mengakui tentang wujudnya kelas dalam masyarakat tetapi ianya tidak dikaitkan dengan mode pengeluaran seperti yang dilakukan oleh golongan Marxist. Kadar perubahan dalam masyarakat adalah bergantung pada kepadatan dan kekerasan yang berlaku dalam konflik kelas. Walaupun wujudnya konflik tapi ianya dapat diuruskan melalui pengurusan konflik. Juga terdapat stratifikasi dalam masyarakat dan memerlukan reformasi yang berbentuk institusional. Akhirnya pendekatan ini menyebut perlunya ada perubahan dan rombakan struktural dalam masyarakat.

## 2.4 Kesimpulan

Dari teori yang telah diberikan di atas tadi, memang ada pro dan kontranya. Apa yang jelas kepada kita ialah kita tidak seharusnya berpegang kepada sesuatu asas dalam mencari atau menentukan sebab-sebab kemiskinan. Ianya harus dikaitkan atau mengambil kira faktor-faktor lain supaya ianya dapat merangkumi aspek-aspek yang lebih

luas dan dapat menghasilkan gagasan yang lebih tepat. Seterusnya dapat pula dicari cara-cara untuk menyusun strategi bagi mengatasi masalah ini.

Apa yang perlu diingat di sini ialah kita tidak seharusnya menuntut kesempurnaan dari seseorang kerana sudah pasti ada kekurangannya. Begitu jugalah halnya dengan ahli-ahli teori juga ada melakukan kesilapan dalam menghasilkan teori mereka.

University of Malaya

## BAB III

## LATARBELAKANG TEMPAT KAJIAN

### 3.1 Pengenalan

Bab ketiga ini seterusnya akan meninjau latarbelakang tempat kajian secara umum dan diharapkan agar ianya dapat memberikan gambaran awal tentang tempat tersebut yang dirasakan amat penting untuk diketahui. Di antara aspek-aspek yang akan disentuh di dalam bab ini ialah mengenai sejarah penubuhan ladang tersebut, kedudukan geografi dan penduduknya, struktur politik dan pentadbiran serta struktur sosialnya.

### 3.2 Sejarah Penubuhan

Ladang getah ini telah dibuka pada awal tahun 1920an dan telahpun berusia kira-kira lebih dari 60 tahun dan kini dikenali sebagai Ladang Getah Bee Yong, Kerdau. Menurut pengurus ladang iaitu Encik M. Nagarajah, ladang ini telah dibuka oleh sebuah keluarga keturunan Cina yang tinggal di Melaka dan telah menubuhkan Syarikat U.B. Plantation. Ia kemudiannya telah diserahkan kepada pihak Sime Darby sebagai agennya pada tahun 1940an kerana dirasakan bahawa pihak Sime Darby dapat menguruskan ladang berkenaan dengan lebih baik dan dapat mengeluarkan hasil dengan lebih banyak.

University of Malaya

Menurut Encik Abu Bin Kesah pula yang merupakan seorang 'jaga' di ladang getah berkenaan, ladang ini telah dibuka oleh sebuah keluarga Cina dan mula-mulanya ditanam dengan ubi kayu. Beliau yang berkhidmat selama 4 tahun di sini adalah merupakan penduduk tempatan di Mukim Kerdau. Menurut beliau lagi ladang tersebut kemudiannya telah diserahkan kepada orang Inggeris untuk menguruskannya sebelum diserahkan kepada mana-mana pihak. Tuan punya ladang tersebut pernah mengajak penduduk tempatan yang terdiri daripada orang-orang Melayu untuk membuat perkongsian tetapi ditolak oleh mereka.

Beliau seterusnya menambah, punca keluarga Cina itu tidak sanggup menguruskan ladang ialah kerana adanya ancaman komunis yang berterusan waktu itu di kawasan Kerdau. Pernah terjadi di mana pengganas Komunis telah menyerang stesen keretapi Kerdau pada masa darurat dahulu. Jadi untuk menjamin keselamatan dan pengeluaran hasil ladangnya tidak terjejas, maka mereka telah melantik pihak Sime Darby sebagai agennya sehinggalah sekarang.

Sebenarnya pada peringkat awal penubuhannya, ladang ini bukanlah merupakan ladang yang luas. Pihak pengurusannya telah membuka kawasan-kawasan tanah baru ataupun membelinya dari penduduk-penduduk tempatan demi untuk meluaskan lagi kegiatannya.

### 3.3 Geografi dan Penduduk

Ladang ini mempunyai keluasan kira-kira 9,470 hektar atau 2,340 ekar persegi. Ianya terletak kira-kira 1.4 kolimeter dari pekan

Kerdau dan kira-kira 2.3 kilometer dari jalan besar yang menghubungkan antara Jerantut dan Temerloh/Mentakan.[1] Jarak antara ladang ini dengan bandar Temerloh ialah kira-kira 24 km dan dengan bandar Mentakab ialah kira-kira 20.8 km.

Keadaan muka bumi ladang ini berbukit bukau dan ini membolehkannya mempunyai saliran semula jadi yang baik dan sesuai untuk tanaman getah. Keseluruhannya ladang ini dipenuhi dengan tanaman getah sebagai tanaman utama dan sedang dirancang untuk menggantikannya dengan tanaman kelapa sawit pada suatu masa yang belum ditetapkan lagi.

Menurut pengurus ladang berkenaan pertukaran tanaman ini adalah disebabkan harga bahan tersebut lebih terjamin dan mempunyai pasaran yang baik. Difahamkan juga beberapa buah ladang getah di beberapa tempat di Pahang seperti Ladang Getah Bukit Dinding di Karak telah menggantikan tanaman getah dengan kelapa sawit secara beransur-ansur. Jika semuanya berjalan dengan lancar, pihak ladang terpaksa mengambil lebih ramai lagi pekerja. Mereka juga percaya dengan cara ini ia akan memberi faedah yang lebih besar kerana pendapatan pekerja mungkin lebih tinggi berbanding dengan jumlah pendapatan yang diperolehi sekarang.

---

[1]Tempat tersebut dikenali juga dengan nama Simpang Empat kerana mempunyai 4 simpang iaitu ke Kerdau, Kg. Lipat Kajang, Temerloh/Mentakab dan Jerantut.

Secara kasarnya ladang ini mempunyai kira-kira 558 orang penduduk[1] yang terdiri dari berbagai bangsa seperti Melayu, Cina dan India. Mengikut pecahan kaum, penduduk keturunan India adalah yang paling ramai iaitu berjumlah kira-kira 446 orang atau 79.9% dari jumlah keseluruhan. Ini diikuti dengan penduduk keturunan Cina iaitu berjumlah kira-kira 75 orang atau 13.4%. Pekerja keturunan Melayu adalah yang paling kecil jumlahnya iaitu kira-kira 37 orang atau 6.6%. Huraian tadi dapat dijelaskan lagi dengan berpandukan jadual.

Jadual 3.1 : Pecahan-Pecahan Ras.

| Bangsa | Jumlah | Peratus |
|---|---|---|
| India | 446 | 79.9 |
| Cina | 75 | 13.4 |
| Melayu | 37 | 6.6 |
| Jumlah | 558 | 100.0 |

Sumber: Soal-selidik.

Jika diperhatikan Jadual di atas, kita akan dapati tidak terdapat keturunan lain yang tinggal di ladang ini. Sebenarnya ter-

---

[1] Jumlah penduduk ini sebenarnya adalah berdasarkan kepada jumlah penduduk yang terdapat pada borang Banci Listing. Ia sukar untuk ditentukan dengan tepat kerana sering berlaku keluar masuk pekerja-pekerja iaitu ada yang bertukar atau berpindah dan ada pula pekerja baru yang melapor diri. Ini telah terbukti apabila pengkaji telah pergi sekali lagi ke tempat kajian pada bulan September 1985, dan mendapati jumlahnya semakin bertambah.

dapat juga di kalangan orang Asli yang bekerja di ladang ini tetapi tidak tinggal di sini. Mereka lebih suka menetap di kawasan perkampungan mereka yang terletak kira-kira 3.2 km dari ladang ini.

3.4 Politik dan Pentadbiran

Seperti yang telah diterangkan di awal tadi bahawa ladang ini terletak di bawah pengawasan pihak Sime Darby Berhad yang beribu pejabat di Kuala Lumpur yang telah dilantik sebagai agennya yang sah. Segala urusan-urusan pentadbiran yang berkaitan dengan ladang ini akan dikendalikan oleh pihak Sime Darby termasuk dalam hal perlantikan Pengurus ladang. Walau bagaimanapun kakitangan pejabat ladang ini adalah di bawah tanggungjawab Bee Yong Sdn. Bhd. dan merekalah yang menjadi majikan kepada kakitangan pejabat tersebut. Ini bermakna sebarang pertukaran dan kenaikan pangkat akan hanya melibatkan Syarikat Bee Yong Sdn. Bhd. tanpa melibatkan pihak Sime Darby.

Secara ringkasnya ladang ini diketuai oleh Encik M. Nagarajah. Di bawah beliau ialah Ketua Kerani iaitu Encik V.M. Rajaratnam yang bertanggungjawab dalam urusan-urusan pejabat. Terdapat seorang Kerani yang juga bertanggungjawab sebagai seorang Penyelia Stor iaitu Encik Zamri Mohd Sham.

Bagi mengawasi kerja-kerja di ladang, pihak pengurusan juga telah melantik 2 orang yang dipanggil sebagai 'Conductor' iaitu seorang sebagai 'Senior Conductor' dan seorang lagi sebagai pembantunya. Tugas mereka ialah untuk memastikan lot-lot yang perlu ditoreh,

memeriksa dan melaporkan mana-mana pokok yang menghadapi masalah seperti luka dan sebagainya.

Untuk mengawasi kesihatan pekerja-pekerja ladang pula, pihak pengurusan menyediakan seorang 'Dresser' yang juga memangku jawatan 'Field Conductor' untuk mengawasi kerja-kerja penyediaan tapak semaian dan meracun. Selain dari itu terdapat juga 7 orang Mandur iaitu 5 ditugaskan di ladang getah dan 2 lagi di bawah kerja-kerja am. Adalah lebih mudah bagi kita melihat pecahan-pecahan tersebut dengan berpandukan jadual di bawah.

Jadual 3.2 : Pecahan Jawatan Mandur Mengikut Bidang Kerja dan Etnik.

| Bahagian/Cawangan | Bangsa | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| | Melayu | Cina | India | |
| Mandur ladang getah | 1 | 1 | 3 | 5 |
| Mandur kerja am | 1 | - | 1 | 2 |
| Jumlah | 2 | 1 | 4 | 7 |

Sumber: Soal-selidik.

Dari segi sempadan politik pula, ladang ini terletak di dalam daerah Temerloh. Mengikut sempadan pilihan raya pula ia terletak dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Kerdau yang diwakili oleh Yang Berhormat Haji Abdullah Haji Kia. Manakala kawasan Parlimennya pula ia terletak dalam kawasan Parlimen Jerantut yang diwakili oleh

Y.B. Encik Wan Abu Bakar. Dari segi kedudukan mukimnya pula ia terletak dalam Mukim Kerdau yang diketuai oleh Dato' Penghulu Abdullah Bin Sida.

## 3.5 Struktur Sosial

Seterusnya kita akan meninjau pula keadaan struktur sosial pekerja ladang supaya kita akan mendapat gambaran yang lebih jelas lagi tentang kumpulan yang kita kaji.

### 3.5.1 Pola-Pola Perhubungan Antara Kaum

Terdahulu dari ini telah diterangkan bahawa penduduk-penduduk di ladang ini terdiri dari 3 suku kaum yang terbesar iaitu Melayu, Cina dan India dan sebahagian besar darinya adalah terdiri dari kaum India. Oleh kerana mereka merupakan kumpulan majoriti, maka kedudukan mereka adalah lebih dominan. Walau bagaimanapun belum pernah terjadi pergaduhan antara kaum di sini. Pergaduhan yang sering terjadi adalah berpunca dari tabiat mabuk terutama pada hari pembayaran gaji.

Secara kasarnya dapat dilihat bahawa mereka hidup dalam suasana aman damai dan saling tolong-menolong. Ini ialah kerana mereka telah lama tinggal di sini dan sedikit sebanyak telah mengetahui sedikit sebanyak latarbelakang masing-masing.

Bagi kumpulan-kumpulan minoriti seperti bangsa Melayu dan Cina, perhubungan antara satu keluarga dengan keluarga yang lain amat

rapat. Mereka seolah-olah mempunyai pertalian darah terutamanya bangsa Melayu walhal mereka pada asalnya datang dari kawasan yang berlainan seperti Negeri Sembilan dan sebagainya. Mereka saling kunjung-mengunjung antara satu sama lain terutamanya pada waktu kelapangan.

Apa yang menarik di sini ialah terdapatnya kes kahwin campur antara kaum India dan Cina. Keadaan ini seolah-olah membawa rahmat (kalaupun boleh dikatakan sebagai rahmat) kerana ianya tidak dipandang serong oleh kedua-dua kaum tadi. Malahan ianya telah sedikit sebanyak merapatkan lagi perhubungan antara kedua-dua suku kaum tadi.

Disebabkan kawasan penempatan ini tidak begitu luas dan jarak antara rumah ke rumah adalah dekat, maka sebarang hal yang berlaku pada diri seseorang akan mudah tersebar dengan meluas. Ini ialah kerana mereka mempunyai kesempatan atau peluang yang banyak untuk bercerita antara satu sama lain seperti waktu hendak ke ladang getah dan lain-lain lagi.

Dengan adanya Pertubuhan Pekerja-Pekerja ladang menjadi bertambah erat kerana mereka sering mengadakan mesyuarat atau perjumpaan untuk menyelesaikan sebarang masalah yang timbul di kalangan mereka.

3.5.2 <u>Struktur Penginapan dan Kemudahan Asas</u>

Ladang ini menyediakan kira-kira 110 buah rumah untuk pekerja-pekerjanya. Rumah yang paling awal telah dibina pada tahun 1957 dan ada yang masih digunakan dan yang terbaru ialah pada tahun 1985. Kebanyakan rumah-rumah yang disediakan adalah rumah kembar satu tingkat

dan mempunyai satu atau dua bilik. Ada juga rumah-rumah yang dibina seperti berek yang terdiri dari 4 atau 5 buah rumah. Baru-baru ini pihak pengurusan ladang telah membina 4 blok rumah yang mengandungi 8 unit bagi menggantikan beberapa unit rumah yang telah dirobohkan kerana didapati tidak sesuai untuk digunakan. Walaupun terdapat banyak rumah-rumah yang sudah agak lama dan kurang memuaskan maka pihak ladang mempunyai rancangan menggantikannya dengan rumah baru secara berperingkat.

Memandangkan jumlah pekerja yang ramai maka pihak ladang tidaklah dapat menyediakan rumah yang cukup untuk pekerjanya. Sungguhpun demikian masih terdapat beberapa unit rumah yang kosong dan tidak didiami atau hanya didiami oleh seorang penghuni sahaja.

Bagi kakitangan pejabatnya pula, pihak majikan menyediakan sebuah rumah dengan berbagai kelengkapan seperti air dan elektrik percuma, perabut-perabut dan elaun untuk membeli gas sebanyak $20.00 sebulan yang dibayar secara tetap.

Ladang ini dihubungkan dengan pekan Kerdau oleh sebatang jalan tanah merah sepanjang 1.4 km. Apa yang menyulitkan penduduk-penduduk di sini ialah ketika musim hujan di mana jalan menjadi becak dan licin dan sangat membahayakan pengguna.

Selain dari itu mereka mendapat bekalan air paip percuma dari lojinya sendiri dan bekalan elektrik selama 24 jam sehari yang dibekalkan oleh 2 buah generator yang besar yang bertugas selama 12

jam tiap-tiap satu secara bergilir-gilir. Bagi pekerja biasa, bayaran elektrik adalah bergantung kepada jumlah unit yang mereka gunakan. Di sini tiada perkhidmatan talipon awam kecuali talipon yang terdapat di pejabat ladang. Bagi pengguna yang ingin menggunakan perkhidmatan talipon awam, mereka terpaksalah pergi ke Pekan Kerdau atau ke Simpang Empat.

Bagi mereka yang berketurunan India sebuah kuil dan sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil juga disediakan. Bagi mereka yang mempunyai anak-anak yang masih kecil, mereka boleh meninggalkan anak-anak di Rumah Asuhan Kanak-kanak yang disediakan pada hari bekerja. Ianya tidak dihadkan kepada satu-satu bangsa sahaja. Rumah ini mula dibuka pada tahun 1980 dan ia mampu menampung seramai 30-40 orang. Ia dikendalikan oleh 2 orang wanita keturunan India. Kanak-kanak yang layak ditempatkan di sini mestilah tidak melebihi umur 4 tahun. Tiada sebarang bayaran yang dikenakan kepada mereka yang menggunakan perkhidmatan rumah ini.

Bagi anak-anak muda dan golongan belia pula sebuah padang bola sepak dan sebuah gelanggang badminton disediakan. Mereka juga tidak mempunyai kesulitan untuk mendapatkan barang-barang harian kerana terdapat beberapa buah kedai runcit yang diusahakan sendiri oleh beberapa orang pekerja ladang. Pendek katanya mereka mempunyai berbagai-bagai kemudahan yang disediakan oleh pihak majikan demi untuk kebajikan dan keselesaan mereka sendiri. Tetapi apa yang menimbulkan masalah sekarang ialah kemudahan-kemudahan tersebut tidak digunakan dengan sepenuhnya.

3.5.3 Taraf dan Kemudahan Kesihatan

Bagi memudahkan para pekerja untuk mendapatkan rawatan kesihatan, pihak ladang telah menyediakan sebuah klinik kecil. Ia mula-mula dibuka pada awal tahun 1940an. Klinik ini sebenarnya hanyalah berfungsi untuk memberi rawatan kepada kes-kes atau penyakit yang tidak serius. Ia dikendalikan oleh Encik Thanggamani yang berkelulusan Gred III Peperiksaan Pembantu Hospital.

Klinik ini dibuka dari pukul 8.00 pagi hingga 4.00 petang pada hari Isnin hingga Sabtu. Sebenarnya waktu yang diberikan oleh Pengurus ladang berkenaan tidaklah berapa jelas kerana 'dressor' berkenaan yang juga memangku jawatan Field Conductor dan sudah tentu tidak dapat menjalankan kerja-kerjanya mengikut jadual.

Walau bagaimanapun pihak Hospital Daerah ada menghantar beberapa orang kakitangan perubatannya sekali sebulan untuk memberi perkhidmata perubatan kepada penduduk-penduduk di sini. Terdapat juga pekerja-pekerja yang pergi sendiri ke hospital untuk mendapatkan rawatan terutama bagi kes-kes yang agak berat seperti bersalin dan sebagainya.

3.6 Kesimpulan

Dari penerangan yang telah diberikan mengenai latarbelakang tempat kajian tadi, sedikit sebanyak akan dapat membantu kita untuk memahami apakah masalah sebenar yang mereka hadapi dan kaitannya dengan masalah kajian yang dikemukakan oleh pengkaji.

University of Malaya

# BAB IV

## MASALAH PELAJARAN

### 4.1 Pendahuluan

Di dalam Bab II yang lalu, telah dibincangkan serba sedikit teori yang berkaitan dengan pelajaran dan di dalam bab ini pula kita akan cuba membuktikan teori tersebut dengan menghuraikan serba sedikit aspek-aspek yang menyentuh sistem pendidikan dan masalah-masalah yang berhubung dengannya. Oleh kerana bidang penulisan ini terlalu terhad, maka adalah sukar untuk dipaparkan semua perkara-perkara yang bersangkutan dengannya.

### 4.2 Kemudahan Pelajaran dan Kedudukan Sekolah

Bagi negara kita Malaysia, kerajaan telah mewajibkan setiap kanak-kanak yang berumur 7 tahun ke atas hendaklah diberikan pendidikan formal di sekolah. Barang siapa yang tidak berbuat demikian maka mereka dianggap telah melanggar undang-undang negara dan jika didapati bersalah akan dikenakan hukuman.

Di estet ini terdapat sebuah sekolah rendah Tamil iaitu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Bee Yong yang telah didirikan pada tahun 1962 dan sekarang ini mampu menampung seramai 142 orang murid. Ia mengandungi sebuah bangunan induk yang diperbuat dari papan dan menempatkan lima buah 'bilik darjah', 'bilik guru' dan pejabat

Guru Besar. Kelima-lima buah bilik darjah tersebut sebenarnya hanya dipisahkan oleh beberapa keping papan lapis. Manakala bilik gurunya pula tidak terdapat sebarang papan lapis yang memisahkannya dan hanya terletak di sebelah salah sebuah dari bilik darjah berkenaan.

Satu lagi bilik darjah yang mereka gunakan ialah sebuah 'bangunan' yang menyerupai sebuah kantin sekolah dan hanya berdindingkan beberapa keping papan hitam dan mampu menempatkan seramai 18 orang murid. Jumlah murid yang paling ramai bagi sesebuah bilik darjah ialah seramai 48 orang. Cubalah bayangkan sebuah bilik darjah yang sempit dibebankan pula dengan jumlah yang ramai. Bilangan guru-gurunya pula ialah seramai 8 orang termasuk seorang Guru Besar. Empat dari mereka adalah dari lepasan Maktab Perguruan, tiga orang guru sementara dan seorang guru pelatih.

Seperti yang telah diterangkan tadi, sebuah bilik darjah yang mengandungi terlalu ramai murid sudah tentu sukar untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang selesa sama ada bagi pihak murid atau guru yang mengajar. Tambahan pula jumlah yang ramai itu tentu sukar dikawal dan sudah tentu menimbulkan kebisingan dan mengganggu kelas sebelah yang juga sedang belajar. Keadaan kelas yang padat, tidak teratur serta serba kekurangan ini seolah-olah menjadi salah satu dari faktor utama yang menyebabkan timbulnya kurang minat terhadap pelajaran dan seterusnya tercicir.

Kajian pendapat mengenai pelajaran dan masyarakat atau Kajian keciciran yang diterbitkan pada tahun 1973[1] yang dikelolakan oleh satu jawatankuasa yang mengandungi 2 bahagian iaitu Jawatankuasa Dasar dan Jawatankuasa Kerja Bahagian Perancang dan Penyelidikan Pelajaran, Kementerian Pelajaran yang dipengerusikan oleh Dato' Murad Mohd Nor, Ketua Penasihat Pelajaran Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui sebab-sebab keciciran yang tinggi berlaku di sekolah rendah dan menengah. Kajian ini menyentuh aspek-aspek ekonomi, kebudayaan, psikologi sosial (sikap, nilai, dorongan dan harapan) dan pelajaran. Hasilnya didapati bahawa kanak-kanak yang menghadiri sekolah-sekolah yang serba kekurangan dan mempunyai kurang peluang untuk maju, berkemungkinan besar cicir dari sekolah. Kajian ini menunjukkan kira-kira 12.4% saja murid-murid yang cicir itu disebabkan oleh faktor-faktor SES atau kemiskinan, sementara yang lain adalah disebabkan oleh faktor nilai kumpulan, sikap terhadap pelajaran sains, pemodenan, tanggapan terhadap guru-guru, ekspektasi ibubapa, dorongan pelajaran serta keadaan sekolah yang dihadiri.

Bagi anak-anak Melayu pula mereka biasanya akan dihantar ke Sekolah Rendah Kebangsaan Paya Taram dan kanak-kanak Cina ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Kerdau yang kedua-duanya terletak di pekan Kerdau. Untuk mendapatkan pelajaran menengah pula, mereka boleh memilih sama ada mahu ke Sekolah Menengah Kerdau atau sekolah-sekolah di Temerloh

---

[1] Kajian Keciciran, Kementerian Pelajaran Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1973.

atau Mentakab. Pihak estet ada menyediakan bas sekolah untuk anak-anak yang belajar di luar dari ladang ini. Bas ini sebenarnya diusahakan oleh beberapa orang pekerja ladang dan disewakan oleh pihak ladang demi memberi kemudahan kepada anak-anak pekerjanya.

Boleh dikatakan hampir semua murid-murid di sekolah rendah ini menerima bantuan buku teks. Di samping itu pihak P.I.B.G. sekolah itu ada memberikan sumbangan sebanyak $700 - $800 setahun sebagai bantuan untuk membeli buku latihan yang sesuai untuk kegunaan para pelajar.

Apa yang menyedihkan ialah sekolah ini tidak mempunyai perpustakaan. Menurut Encik Subramaniam yang juga Guru Besar sekolah, perpustakaan tersebut tidak dapat diadakan kerana mereka tidak mempunyai kakitangan yang sesuai untuk menguruskannya serta tiadanya minat dan kesedaran yang mendalam sama ada dari golongan pelajar mahupun ibu-bapa sendiri. Ini menyulitkan para pelajar untuk mendapatkan bahan bacaan tambahan yang sesuai sama ada untuk menambahkan ilmu pengetahuan ataupun memperbaiki pengetahuan dan penggunaan bahasa masing-masing.

Murid-murid di sekolah rendah ini juga disediakan dengan makanan pada waktu rehat seperti yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran. Makanan yang biasa disediakan untuk mereka ialah mee goring dan mereka dikehendaki membayar sebanyak 35 sen seorang. Objektif sebenar skim ialah untuk memberi makanan yang sesuai dan cukup khasiatnya demi untuk memelihara pertumbuhan otak yang sihat di kalangan kanak-kanak. Di samping itu ia juga dapat mengelakkan

murid-murid dari membeli makanan yang tidak berkhasiat.

Berdasarkan kepada skim yang sama, beberapa sekolah lain telah membekalkan susu segar kepada murid-murid. Ini menurut mereka lebih berfaedah dan terjamin. Walaupun tujuannya untuk mengelakkan murid-murid dari membelanjakan wang dengan sia-sia, tetapi dengan membekalkan mee goring yang dimasak sendiri oleh para pekerja belum tentu mempunyai kualiti yang tinggi kerana sememangnya sifat manusia mementingkan keuntungan jika tidak diawasi dengan betul. Jadi kejayaan matlamat itu juga boleh dipersoalkan.

## 4.3 Sikap dan Persepsi Terhadap Pelajaran

Pembicaraan kita mengenai persepsi terhadap pelajaran dapat diperhati dari dua sudut iaitu yang pertama dari sudut ibubapa atau penjaga dan kedua dari sudut murid-murid sendiri. Tinjauan terhadap persepsi ini dikira amat penting kerana ianya sedikit sebanyak dapat menunjukkan kepada kita sejauhmana kedua belah pihak menumpukan atau memberikan minat yang sepenuhnya terhadap pelajaran.

Menurut Morrison dan Mc Intyre (1973), dalam analisanya kepada faktor-faktor yang mempunyai kaitan yang konsisten dengan pencapaian dan kejayaan akademik murid-murid mengatakan bahawa aspek sikap ibubapa terhadap pelajaran, taraf pelajaran ibubapa atau ketua keluarga, kuantiti penjagaan anak-anak di rumah dan lain-lain angkubah-angkubah yang mempengaruhi pencapaian pelajaran.[1]

[1] Morrison, A. & Mc Intyre, D., School and Socialization, Penguin Books, 1973.

Menurut beliau lagi sikap terhadap pelajaran ini termasuklah minat, galakan dan inspirasi ibubapa terhadap persekolahan anak-anak mereka. Jika sikap minat dan inspirasi itu baik dan memuaskan, besar kemungkinan pencapaian pelajaran anak-anak itu akan tinggi pula.

Floud dan rakan-rakannya[1] pula menegaskan bahawa ibubapa kelas menengah mempunyai sikap mendorong anak-anak dalam pelajaran yang lebih kuat daripada ibubapa kelas bawahan. Ini dibuktikan oleh mereka dengan melakukan lawatan yang kerap ke sekolah untuk melihat kemajuan pelajaran serta berjumpa dengan Guru Besar dan guru-guru untuk membincangkan masalah pelajaran anak-anak. Sementara ibubapa kelas bawahan didapati jarang benar melawat sekolah. Kalau adapun mereka datang adalah atas urusan yang mustahak seperti diminta datang ke sekolah atau berjumpa dengan guru kelas sahaja.

Kebenaran kata-kata yang telah diberikan oleh tokoh-tokoh yang terkemuka di bidang pendidikan itu memang mempunyai kebenarannya jika dilihat pada kes kajian. Ramai ibubapa yang ditemui mengatakan bahawa mereka sebenarnya tidak begitu mengambil tahu hal-hal yang bersangkutan dengan pelajaran anak-anak. Apa yang penting bagi mereka ialah memastikan anak-anak mereka akan pergi ke sekolah pada hari persekolahan, menyediakan pakaian sekolah, wang saku dan lain-lain yang diperlukan oleh anak sebagai keperluan asas. Ada yang tidak pasti di darjah berapakah anak mereka berada sekarang.

Ada kalangan ibubapa yang berpendapat, jika mereka memberikan perhatian yang berat kepada pelajaran anak-anak seperti mendenda jika

---

[1]Floud J., Halsey, A.H., Martin, F.M. (eds.), Social Class and Educational Opportunity, Heinemann, London, 1957.

gagal dalam beberapa mata pelajaran dalam peperiksaan tidak akan mengubah tahap kecerdasan mereka. Mereka berpendapat tahap kecerdasan seseorang itu telah ditentukan dan adalah sukar untuk mengubahnya.

Setengah ibubapa berpendapat jika anak-anak mereka menghabiskan masa yang lama di sekolah tetapi gagal di pertengahan jalan, ini akan merugikan mereka. Andaiannya ialah jika anak-anak tersebut tidak bersekolah tetapi bekerja sudah tentu dapat menambah tingkat pendapatan keluarga. Sebaliknya jika mereka bersekolah, masa akan dihabiskan dengan sia-sia tanpa menampakkan hasilnya.

Pada hari cuti sekolah sama ada hujung minggu atau cuti penggal, anak-anak mereka digalakkan mengikut dan membantu ibubapa di kebun getah. Ini sudah tentu tidak memberi peluang langsung kepada anak-anak untuk mengulangkaji pelajaran atau berehat. Mereka seolah-olah telah diberi latihan dari awal untuk 'mengambil alih jawatan' ibubapa masing-masing.

Pengkaji telah sempat menemubual beberapa orang para pelajar menengah di ladang ini untuk mengetahui keadaan yang sebenar. Menurut mereka minat untuk belajar akan datang sekiranya keluarga memberikan galakan yang sepenuhnya. Tetapi apa yang sebenarnya berlaku ialah ibubapa telah tidak menghiraukan pelajaran mereka dan ini seolah-olah memberi peluang kepada mereka untuk berjinak-jinak dengan alam luar persekolahan.

Terdapat juga ramai di kalangan mereka yang tidak mengetahui dengan jelas tentang prospek-prospek yang dapat dicapai jika mereka memiliki tingkat pelajaran yang tinggi. Menurut mereka, kehadiran ke sekolah adalah seperti perkara biasa selagi belum 'disekat' oleh kegagalan dalam S.R.P. atau S.P.M. ataupun meninggalkan alam persekolahan tanpa memperolehi apa-apa sijil.

## 4.4 Latarbelakang Pelajaran Keluarga

Menurut satu kajian yang dibuat oleh Duncan dan rakan-rakannya[1] di Amerika Syarikat yang menganalisa semula data-data kajian lepas dengan menggunakan model 'path analysis' mendapati latarbelakang keluarga merupakan pengaruh yang amat kuat terhadap kejayaan anak-anak di sekolah terutama sekali di peringkat permulaan masa persekolahan mereka. Jika ditinjau pada latarbelakang pelajaran yang diterima oleh ibubapa murid-murid kita akan dapati bahawa ibubapa mereka bukanlah terdiri dari golongan yang mendapat pendidikan formal yang cukup.

Dengan berpandukan kepada Jadual di bawah ini kita akan dapat melihat taraf pelajaran yang pernah dicapai oleh ibubapa dengan berdasarkan kepada 50 responden yang mempunyai anak-anak yang masih bersekolah. Ini bermakna dari 50 responden tersebut, hanya 37 sahaja mempunyai tanggungan persekolahan.

---

[1]Duncan, O.D., Featherman, D.L., Duncan, B., Socio-economic Background and Achievement, Seminar Press, New York, 1972.

Jadual 4.1 : Taraf Pelajaran Ibubapa Murid-Murid.

| Taraf Pelajaran / Bangsa | Tidak Bersekolah | | Rendah | | Menengah | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Ibu | Bapa | Ibu | Bapa | Ibu | Bapa |
| Melayu | 1 | - | 5 | 5 | - | - |
| Cina | - | - | 6 | 4 | 1 | 3 |
| India | 4 | 5 | 18 | 17 | 2 | 2 |
| Jumlah | 5 | 5 | 29 | 26 | 3 | 5 |

Sumber: Dari soal-selidik.

Berdasarkan kepada Jadual di atas kita dapat melihat kebanyakan ibubapa hanya mampu menamatkan pelajaran di peringkat rendah dan sangat sedikit bilangan mereka yang menerima pendidikan menengah. Ini tidak pula bermakna setiap mereka benar-benar menamatkan pelajaran di peringkat masing-masing kerana ramai di antara mereka yang berhenti di pertengahan jalan.

Disebabkan taraf pelajaran ibubapa yang rendah inilah maka mereka seolah-olah tidak berminat untuk memberi dorongan kepada anak-anak supaya tekun di dalam pelajaran. Namun demikian terdapat juga ibubapa yang memberikan perhatian yang sepenuhnya di mana ada di antara anak mereka yang sedang dan telah melanjutkan pelajaran di pusat-pusat pengajian tinggi tempatan, tetapi bilangannya amatlah kecil.

University of Malaya

Sebenarnya selain dari guru-guru di sekolah, ibubapa juga memainkan peranan yang penting untuk menerajui kejayaan anak-anak di bidang pelajaran. Ini turut dipersetujui oleh pendapat Oh Kum Lum yang telah membuat kajian ke atas murid-murid Tingkatan Tiga di dua buah sekolah.[1] Beliau mendapati kecerdasan bukanlah hanya merupakan satu faktor sahaja yang memberi kesan dan mempengaruhi pencapaian akademik murid-murid yang dikajinya, tetapi terdapat juga faktor-faktor sosial dan ekonomi sekali. Faktor-faktor tersebut adalah seperti berikut:

i. Kumpulan teman sebaya.

ii. Taraf sosio-ekonomi dan persekitaran rumahtangga.

iii. Paras pendidikan ibubapa dan sikap mereka terhadap pelajaran.

iv. Faktor-faktor personal.

Ini jelas menunjukkan taraf pelajaran yang dicapai oleh ibubapa memainkan peranan penting sama ada mereka dari golongan miskin atau kaya dalam menentukan pencapaian akademik anak-anak.

## 4.5 Pencapaian Akademik

Seperti yang telah dinyatakan tadi, terdapat beberapa orang di antara anak-anak pekerja ladang yang telah berjaya melanjutkan pelajaran di pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini. Kejayaan tersebut bukan saja menjadi kebanggaan kepada keluarga tersebut tetapi juga kepada seluruh keluarga yang tinggal di ladang ini. Ibubapa

---

[1]Oh Kum Lum, Some Socio-economic Factors Affecting Academic Achievement in Two Malaysian Schools, Tesis B.Ed. tanpa diterbitkan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1959.

University of Malaya

Bagi peperiksaan penilaian Darjah 5 pula peratus kelulusan bagi tahun 1984 ialah 5.88% manakala sebelumnya iaitu tahun 1983 pencapaian ialah 9.9%. Butir-butir ini telah diberikan sendiri oleh Guru Besar sekolah Tamil tersebut.

## 4.6 Kadar Buta Huruf

Mengikut angka-angka rasmi yang diberikan oleh Encik Subramaniam, peratus buta huruf yang terdapat di kalangan murid-murid sekolah rendah ialah kira-kira 5%. Walau bagaimanapun angka ini mungkin lebih tinggi berbanding dengan angka yang telah diberikan memandangkan kepada pencapaian keputusan penilaian Darjah Lima yang begitu buruk. Keadaan ini mempunyai kaitan yang cukup kuat dengan kadar buta huruf yang tinggi di kalangan ibubapa sendiri.

Berdasarkan kajian, daripada 50 orang responden, terdapat 7 kes buta huruf di kalangan ketua keluarga keturunan India, 11 kes hanya tahu bertutur Bahasa Malaysia dan mempunyai pengetahuan yang baik dalam bahasa ibunda di kalangan pekerja keturunan India dan Cina. Ini tidak termasuk isteri dan anak-anak yang telah dewasa yang tidak tahu membaca dan menulis.

Menurut kenyataan Pengurus Ladang berkenaan, kadar buta huruf di kalangan pekerjanya sangat tinggi. Setengah daripada mereka tidak tahu menulis nama sendiri dan menurunkan tanda tangan. Jikalau kita melihat kepada Jadual 4.1 yang telah diberikan sebelum ini, terdapat 10 orang ibubapa yang tidak pernah menjejakkan kaki ke alam persekolahan.

29 dari golongan ibu dan 26 dari golongan bapa hanya menerima pendidikan rendah. Walaupun mereka menerima pendidikan rendah, tidak semua berupaya menamatkan persekolahan hingga ke Darjah 6 dan mampu untuk menulis dan membaca. Sungguhpun di dalam data-data yang diperolehi mereka mendakwa mereka boleh menulis dan membaca tetapi kenyataannya tidak. Ini bukan pula bermakna kita meragui semua maklumat-maklumat yang diberikan tetapi ianya diakui sendiri oleh pengurus ladang dan Guru Besar bahawa kadar buta huruf sangatlah tinggi.

Jikalau masalah ini tidak diatasi dengan serius adalah sukar untuk ibubapa membaca atau mendapatkan apa-apa maklumat terutama dari media massa bercetak. Sudah tentu pengetahuan dan cara berfikir mereka tidak berubah atau bertambah baik dan sukar pula untuk mendapat gambaran yang jelas tentang betapa pentingnya pelajaran anak-anak demi untuk mengeluarkan mereka dari kelompok kemiskinan.

Berbalik kepada anak-anak, jika mereka terus diabaikan maka mereka juga akan senasib dengan ibubapa yang buta huruf. Walau sebanyak manapun tenaga dan wang yang dicurahkan, kalaulah cara berfikir dan cara bertindak mereka tidak berubah maka mereka akan tetap berada dalam kemiskinan. Sebab itulah dirasakan perlu supaya 2 aspek tadi iaitu berfikir dan bertindak diubah dengan hanya memberikan sistem pendidikan yang baik supaya dapat membasmi buta huruf.

## 4.7 Ekspektasi Ibubapa Terhadap Pelajaran Anak-Anak

Seperti yang telah dinyatakan tadi, peranan ibubapa dalam proses pendidikan anak-anak adalah besar. Ibubapa dianggap sebagai salah satu dari pendorong utama terhadap kejayaan atau kegagalan anak-anak di dalam pelajaran selain faktor-faktor lain. Dorongan yang bakal diberikan kepada anak-anak bergantung kepada ekspektasi ibubapa sendiri terhadap pencapaian anak-anak. Di sinilah kita akan mengukur sejauhmana ibubapa menilai dan menghargai pelajaran dan harapan mereka terhadap kebolehan anak-anak. Berdasarkan kepada Jadual di bawah, kita akan mendapat gambaran yang jelas mengenai hal tersebut.

Jadual 4.3 : Ekspektasi Ibubapa Terhadap Tahap Pelajaran.

| Tahap Pel. / Bangsa | Universiti | Kolej | Menengah 4-6 | Menengah 1-3 | Rendah | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Melayu | 6 | - | - | - | - | 6 |
| Cina | 5 | - | 2 | - | - | 7 |
| India | 24 | - | 10 | 3 | - | 37 |
| Jumlah | 35 | - | 12 | 3 | - | 50 |
| % | 70 | - | 24 | 6 | - | 100 |

Sumber: Dari soal-selidik.

Dari Jadual di atas kita dapati 70% dari mereka mengharapkan anak-anak berjaya menjejakkan kaki ke Universiti walaupun mereka sendiri pada mulanya tidak tahu apakah erti universiti. Manakala 24% pula anak-

University of Malaya

anak sekurang-kurangnya berjaya ke peringkat menengah atas. Sebenarnya ekspektasi ini berbeza dengan kenyataan kerana seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, sikap tidak mengambil berat terhadap pelajaran anak-anak telah menyebabkan anak-anak menjadi liar dengan alam persekolahan. Harapan dan cita-cita yang tidak diikuti dengan usaha untuk menjayakannya akan hanya tinggal harapan.

Ekspektasi ibubapa terhadap pelajaran ini juga mempunyai kaitan yang rapat dengan jenis pekerjaan anak-anak seperti yang dikehendaki oleh ibubapa.

Jadual 4.4 : Pekerjaan Untuk Anak-anak.

| Jenis / Bangsa | Makan Gaji | Terpulang kepada anak | Kerja Sendiri | Tak Tahu | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| Melayu | 1 | 5 | - | - | 6 |
| Cina | 2 | 4 | 1 | - | 7 |
| India | 7 | 26 | - | 4 | 37 |
| Jumlah | 10 | 35 | 1 | 4 | 50 |
| % | 20 | 70 | 2 | 8 | 100 |

Sumber: Dari Soal-selidik.

Terdapat kira-kira 20% daripada mereka yang mengharapkan agar anak-anak bekerja makan gaji sama ada dengan sektor kerajaan atau swasta, manakala 70% lagi adalah terpulang kepada anak-anak untuk menentukan jenis pekerjaan masing-masing. Jika ibubapa mengharapkan anak-anak

University of Malaya

bekerja makan gaji, sudah tentu mereka sedar tentang kelayakan-kelayakan akademik yang diperlukan dan ini sekurang-kurangnya meletakkan mereka ke dalam golongan yang mengambil berat tentang kepentingan pelajaran anak-anak. Ini tidak pula bermakna mereka yang menyerahkan kepada anak-anak untuk membuat penentuan adalah mereka yang tidak mengambil berat atau tidak memandang pentingnya pelajaran. Mereka berpendapat sebarang pekerjaan yang bakal dilakukan oleh anak-anak nanti sudah semestinya berdasarkan kelulusan akademik yang diperolehinya. Jika dia mempunyai kelulusan akademik yang baik sudah tentu dia mahu pekerjaan yang baik atau bersesuaian dengan kelulusannya. Jadi mereka akan berusaha sendiri untuk mencapainya walaupun tanpa sokongan atau tunjuk ajar dari ibubapa.

Menurut Rosen (1961) keluarga dan ibubapa memainkan peranan dalam memberikan dorongan kepada persekolahan dan kemajuan anak-anak.[1] Ibubapa yang bersikap pasif, tidak mendorong anak-anak untuk maju di sekolah menyebabkan anak-anak mereka kurang berjaya. Pandangan beliau itu ada benarnya kerana ibubapa dan anak-anak mempunyai hubungan yang terlalu rapat dan anak-anak mudah menerima apa yang diberikan oleh ibubapa. Jadi apa yang penting di sini ialah ibubapa perlulah meletakkan nilai yang tinggi terhadap pelajaran agar anak-anak lebih yakin dan bercita-cita menjadi kebanggaan keluarga melalui pencapaian yang cemerlang di bidang pelajaran.

---

[1] Banks, O. & Finlayson, D., Success and Failure in the Secondary School, Methuen, London, 1972.

4.8 Saiz Keluarga

Morrison dan Mc Intyre berpendapat bahawa keluarga yang ramai anak itu biasanya menjejas pertumbuhan anak-anak mereka.[1] Bagi keluarga yang kurang berada mempunyai kemungkinan tidak mampu memberi makanan yang cukup dan sempurna kepada anak-anak. Ini menjejaskan pertumbuhan badan dan otak mereka. Pertumbuhan otak dan kecerdasan yang tidak normal boleh menyebabkan mereka lemah di dalam pelajaran di sekolah. Begitu juga bagi Douglas (1964)[2] dan Frazer (1959)[3] yang menyetujui faktor saiz keluarga terlibat dalam mempengaruhi pencapaian akademik murid-murid di sekolah. Rumahtangga yang terlalu sempit disebabkan ramai orang yang tinggal di dalamnya menjadi suatu tempat yang tidak sesuai untuk belajar dan mengulangkaji pelajaran.

Menurut Steward (1975) pula, kemiskinan memperlihatkan pengaruhnya kepada kejayaan di sekolah dalam beberapa perkara, satu daripadanya ialah kekurangan zat makanan.[4] Kekurangan ini menyebabkan kanak-kanak itu mudah mendapat penyakit seperti lemah-lemah badan,

---

[1] Morrison, A. & Mc Intyre, D., School and Socialization, Penguin Books, 1973.

[2] Douglas, J.W.B., The Home and The School, Mac Gibbon and Kee, London, 1964.

[3] Frazer, E., Home, Environment and the School, London University Press, 1959.

[4] Steward, R.J.C., How Malnutrition Handicaps Children, dipetik dari T. Marimuthu, The Influence of Home Background on Educational Careers and Aspiration of Tamil Youths in Peninsular Malaysia, Ph.D. Dissertation tanpa diterbitkan, University of Manchester, England, 1975.

demam dan lain-lain. Apabila dia sakit, dia tidak dapat menghadirkan diri ke sekolah dan menjadikan dia ketinggalan dalam beberapa pelajaran. Akibatnya dia akan tertinggal terus dan lemah dalam pelajaran serta gagal dalam ujiannya.

Pendapat tokoh-tokoh pendidikan yang telah disebutkan tadi sedikit sebanyak ada benarnya. Misalnya jika ahli keluarga yang ramai sedangkan jumlah pendapatan keluarganya kecil maka sebahagian pendapatan yang sepatutnya dibelanjakan untuk membeli makanan dan lain-lain keperluan pendidikan juga keci. Makanan yang tehad tadi belum tentu mengandungi jumlah zat yang cukup dan diperlukan untuk menjamin pertumbuhan otak yang sihat. Ahli keluarga yang ramai juga tidak dapat memberi peluang dan keselesaan yang cukup kepada anak-anak yang masih bersekolah. Kebanyakan rumah-rumah di sini mempunyai ruang yang terlalu sempit iaitu antara 500 kaki persegi 650 kaki persegi. Ada pula yang hanya mempunyai satu bilik dan dikhaskan untuk bilik tidur. Keadaan keluarga yang ramai yang kadang-kadang menjadi hingar-bingar tentulah menyulitkan anak-anak untuk memberikan tumpuan yang sepenuhnya kepada pelajaran. Berikut ini diperturunkan Jadual mengenai saiz keluarga.

Jadual 4.5 : Saiz Keluarga Mengikut Pecahan Ras.

| Bil. / Bangsa | 1-3 orang | 4-6 orang | 7-10 orang | 10 ke atas | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| Melayu | 1 | 3 | 2 | - | 6 |
| Cina | - | 5 | 2 | - | 7 |
| India | 5 | 20 | 12 | - | 36 |
| Jumlah | 6 | 28 | 16 | - | 50 |
| % | 12 | 56 | 32 | - | 100 |

Sumber: Dari soal-selidik.

Dari Jadual kita dapat melihat kebanyakan perketurunan India mempunyai ahli keluarga yang ramai iaitu 88% dari jumlah responden yang mempunyai ahli keluarga dari 4-10 orang. Kebanyakan dari mereka berpendapat, ahli keluarga yang ramai akan menyumbangkan sesuatu kepada ekonomi keluarga apabila mereka sudah bekerja nanti. Mereka tidak meletakkan pelajaran sebagai had atau sempadan untuk mengecilkan jumlah ahli keluarga supaya agihan pendapatan dan makanan keluarga lebih berfungsi. Mereka berpendapat walaupun jumlah pendapatan mereka kecil tetapi tidak semestinya jumlah ahli keluarga juga turut kecil dan mereka yang berpendapatan tinggi mempunyai ahli keluarga yang ramai.

Menurut Douglas (1964) [1] yang membuat kajian ke atas kanak-kanak di Middlesborough yang mempunyai kedudukan SES (taraf sosio-ekonomi) yang lebih rendah dan kadar pendapatan ibubapa serta keadaan perumahan yang tidak berapa memuaskan, mendapati aspek kekayaan kebendaan di rumah pula menjadi faktor yang penting dalam mempengaruhi pencapaian dan kejayaan murid-murid di sekolah mereka. Beliau menyatakan bahawa pencapaian pelajaran dan kejayaan murid-murid dari segi markah ujian (test score) didapati lebih rendah kalau mereka datang dari rumahtangga yang tidak memuaskan, terlalu sesak, berkongsi bilik tidur dengan adik-beradik serta berkongsi tandas dan bilik mandi dengan keluarga lain.

---

[1] Douglas, J.W.B., The Home and the School, Mac Gibbon and Kee, London, 1964.

4.9 Kesimpulan

Berdasarkan fakta-fakta yang telah dijelaskan di atas tadi kita dapat melihat dengan jelas betapa besar kaitannya sistem pendidikan dengan kemiskinan. Anak-anak dari keluarga miskin yang tidak menerima sistem pendidikan yang sempurna akan menyebabkan mereka sukar untuk keluar dari lingkaran ganas kemiskinan seperti yang telah diterangkan di dalam teori sebelum ini.

University of Malaya

# BAB V

# LATARBELAKANG EKONOMI

## 5.1 Pendahuluan

Dalam Bab IV telah dibincangkan tentang pelajaran serta masalah-masalah yang berkaitan dengannya terutama kaitannya dengan masalah kemiskinan. Dalam Bab ini akan memperlihat perkaitan antara kedudukan ekonomi dengan kemiskinan. Aspek-aspek yang akan ditinjau termasuklah pendapatan, pekerjaan, perbelanjaan, pemilikan harta dan sebagainya. Walau bagaimanapun tulisan ini tidaklah dapat meninjau keseluruhan aspek-aspek yang berkaitan dengan kedudukan ekonomi kerana beberapa masalah.

## 5.2 Pekerjaan

Mengikut maklumat yang dikeluarkan oleh Kementerian Buruh Dan Tenaga Rakyat, terdapat kira-kira 167,210 orang atau 66% pekerja ladang getah di Semenanjung Malaysia pada tahun 1980. Bilangan ini telah menurun jika dibandingkan dengan tahun 1978 dan 1979 di mana masing-masing mencatatkan peratusan sebanyak 70.7% dan 67%. Maklumat selengkapnya dapat diperhatikan seperti Jadual 5.1.

University of Malaya

Jadual 5.1 : Semenanjung Malaysia: Anggaran Bilangan Pekerja Dalam Estet-estet pada Julai, 1978-1980.

| Jenis Estet | 1978 | | 1979 | | 1980 | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Bil. | % | Bil. | % | Bil. | % |
| Getah | 177,270 | 70.7 | 170,670 | 67.0 | 167,210 | 66.0 |
| Kelapa | 3,410 | 1.4 | 4,110 | 1.6 | 3,710 | 1.5 |
| Kelapa Sawit | 65,500 | 26.1 | 75,400 | 29.6 | 77,840 | 30.8 |
| Teh | 3,060 | 1.2 | 2,970 | 1.2 | 2,780 | 1.1 |
| Nenas | 1,610 | 0.6 | 1,740 | 0.6 | 1,630 | 0.6 |
| Jumlah | 250,850 | 100.0 | 254,890 | 100.0 | 253,170 | 100.0 |

Sumber: Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

Berdasarkan maklumat yang diberikan oleh pihak ladang pula, terdapat kira-kira 258[1] orang yang bekerja di sini iaitu 201 orang yang terlibat sebagai penoreh getah dan 57 orang lagi sebagai 'weeder'. Maklumat tersebut dapat diperhatikan dengan lebih jelas lagi berdasarkan kepada Jadual 5.2 dan 5.3.

[1]Angka ini tidak termasuk bilangan mereka yang bekerja di kilang getah ini.

University of Malaya

Jadual 5.2 : Bilangan Penoreh Getah

| Jantina / Bangsa | Lelaki | Perempuan |
|---|---|---|
| Melayu | 5 | 7 |
| Cina | 5 | 14 |
| India | 61 | 99 |
| Orang Asli | 5 | 5 |
| Jumlah | 76 | 125 |

Sumber: Soal-selidik.

Jadual 5.3 : Bilangan 'Weeder'

| Jantina / Bangsa | Lelaki | Perempuan |
|---|---|---|
| Melayu | 6 | - |
| Cina | 1 | - |
| India | 12 | 10 |
| Orang Asli | 9 | 8 |
| Sementara | 5 | 6 |
| Jumlah | 33 | 24 |

Sumber: Soal-selidik.

Dari Jadual 5.2 dan 5.3 tadi kita dapat melihat bahawa bilangan pekerja dari kaum wanita mengatasi kaum lelaki iaitu jumlah pekerja lelaki (termasuk penoreh dan weeder) ialah 109 orang, manakala pekerja wanita pula ialah seramai 149 orang. Berdasarkan kepada maklumat terdapat kira-kira 105 orang yang bekerja dari jumlah 50 borang soal-selidik yang digunakan.

Bagi penoreh getah, mereka akan memulakan kerja pada kira-kira pukul 6.30 pagi. Sebelum itu para pekerja dikehendaki berkumpul di suatu tempat yang ditetapkan untuk diambil kedatangan masing-masing. Oleh kerana ladang ini tidak mempunyai lori yang khusus untuk mengangkut para pekerjanya, maka pekerja terpaksa pergi sendiri ke lot masing-masing. Setiap penoreh diperuntukkan satu lot getah seluas 6 ekar. Traktor yang ada hanya digunakan untuk menghantar tong kosong dan mengambil susu getah di ladang. Bagi pekerja yang mempunyai motosikal dan sebagainya tentulah tidak mempunyai masalah untuk ke tempat kerja, tetapi bagi yang tidak memilikinya perjalanan tersebut sangat meletihkan. Tetapi bak kata pepatah 'alah bisa tegal biasa, hendak seribu daya tak hendak seribu dalih'.

Mereka akan menghabiskan kerja pada kira-kira pada pukul 12 tengahari dan susu getah tadi seterusnya akan dihantar ke kilang untuk ditimbang. Bagi yang bekerja sebagai weeder pula, bentuk pekerjaan mereka tidak ditetapkan. Adakalanya mereka terpaksa membersihkan longkang yang terdapat di sini atau membaiki jalan serta meracun. Kerja-kerja ini kadangkala berlanjutan hingga ke petang selepas berhenti rehat pada waktu tengahari.

Selain daripada pekerjaan tersebut, terdapat juga pekerja ladang yang menjalankan perniagaan seperti membuka kedai runcit, mengusahakan bas sekolah, pekerja Telekom, pekerja kilang elektronik dan sebagainya. Bagi mereka yang bekerja di luar ladang ini kebanyakannya mempunyai latarbelakang pendidikan sekolah rendah dan menengah rendah. Mereka menyedari tentang kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh pekerja ladang lantas keluar mencari pekerjaan pekerjaan yang agak baik bagi mereka. Walau bagaimanapun bilangan yang berbuat demikian tidaklah ramai.

5.3 Sumber dan Tingkat Pendapatan

Seperti yang telah diterangkan sebelum ini tadi, terdapat berbagai jenis pekerjaan di ladang ini dan tiap-tiap jenis pekerjaan itu akan menerima upah yang berlainan pula. Sebagai petunjuk kepada kita untuk menunjukkan sejauhmana perbezaan tersebut, di bawah ini diperturunkan Jadual yang menunjukkan perbezaan tersebut.

Jadual 5.4 : Kadar Upah.

| Tahun | Mandur ($) | Penoreh Getah ($) | Weeder ($) | Penyembuh Arsenite ($) | Pekerja-Pekerja Kilang ($) | Jumlah Pekerja ($) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1976 | 230 | 212 | 126 | 160 | 178 | 178,930 |
| 1977 | 201 | 197 | 120 | 164 | 161 | 174,900 |
| 1978 | 243 | 220 | 127 | 154 | 179 | 177,270 |
| 1979 | 261 | 254 | 146 | 145 | 207 | 170,670 |
| 1980 | 300 | 259 | 169 | 224 | 225 | 167,210 |

Sumber: Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

University of Malaya

Berdasarkan Jadual 5.4 tadi, kita dapati terdapat sedikit peningkatan dalam kadar upah bagi penoreh getah iaitu dari $212.00 pada tahun 1976 kepada $259.00 pada tahun 1980. Walau bagaimanapun pendapatan bagi tahun 1977 mengalami kejatuhan yang juga melibatkan lain-lain jenis pekerjaan. Ini mungkin disebabkan kejatuhan harga getah di pasaran antara bangsa. Pendapatan bagi mandur, weeder dan pekerja-pekerja kilang juga meningkat. Ini seterusnya mendatangkan kesan kepada para pekerja seperti yang dapat ditunjukkan oleh Jadual 5.5.

Dari Jadual 5.5 kadar kemiskinan telah merosot dari 40% pada tahun 1970 kepada 35.1% pada tahun 1980. Tetapi terdapat peningkatan yang agak banyak pada tahun 1975 iaitu kira-kira 47% bagi pekerja ladang.

Dari jumlah 105 orang responden yang bekerja, purata pendapatan keseluruhan ialah kira-kira $305.47 seorang. Manakala purata pendapatan ketua keluarga pula ialah kira-kira $335.80 seorang. Jadi berdasarkan kepada angka tunjuk atau garis kemiskinan maka pekerja ladang ini masih jauh dan dirangkul erat dalam lingkungan kemiskinan. Apa yang boleh kita katakan ialah kadar pendapatan mereka mempunyai kaitan yang cukup erat dengan harga pasaran getah di pasaran dunia. Manakala harga getah di pasaran dunia pula punya kaitan dengan hal-hal lain yang lebih kompleks lagi seperti harga minyak petrol, perkembangan perindustrian di Barat, Jepun dan Korea, faktor musim dan lain-lain lagi. Oleh yang demikian adalah sukar bagi kita secara bersendirian untuk mengawal dan menentukan harga supaya sentiasa tinggi dan dapat mengurangkan kadar kemiskinan pekerja ladang dan pekebun kecil getah di Malaysia.

Jadual 5.5 : Semenanjung Malaysia: Kadar Kemiskinan Ikut Sektor 1970, 1975, 1980.

| Sektor | 1970 | | 1975 | | 1980 | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Jumlah isi rumah miskin ('000) | Kadar kemiskinan (%) | Jumlah isi rumah miskin ('000) | Kadar kemiskinan (%) | Jumlah isi rumah miskin ('000) | Kadar kemiskinan (%) |
| Pertanian | | | | | | |
| Pekebun Kecil Getah | 226.4 | 64.7 | 233.8 | 59.0 | 175.9 | 41.3 |
| Pekebun Kecil Kelapa Sawit | 2.0 | 30.3 | 0.9 | 9.1 | 1.9 | 7.8 |
| Pekebun Kecil Kelapa | 16.9 | 52.8 | 17.5 | 50.9 | 13.3 | 39.0 |
| Penanam Padi | 123.4 | 88.1 | 114.3 | 77.0 | 83.2 | 55.1 |
| Petani-Petani Lain | 126.2 | 91.8 | 124.1 | 78.8 | 110.5 | 64.1 |
| Nelayan | 28.1 | 73.2 | 26.2 | 63.0 | 19.4 | 45.3 |
| Pekerja Ladang | 59.4 | 40.0 | 59.7 | 47.0 | 39.5 | 35.1 |
| Jumlah Pertanian | 582.4 | 68.3 | 576.5 | 63.0 | 443.7 | 46.1 |
| Jumlah Bukan Pertanian | 209.4 | 27.8 | 258.6 | 26.2 | 222.4 | 16.8 |
| Jumlah | 791.8 | 49.3 | 835.1 | 43.9 | 666.1 | 29.2 |

Sumber: Rancangan Malaysia Keempat

University of Malaya

Walaupun kita telah memberi purata pendapatan tadi, tetapi ianya tidaklah seperti apa yang sebenarnya. Bagi keluarga yang mempunyai ahli-ahli yang bekerja lebih dari seorang, pendapatan mereka seisi rumah juga akan meningkat. Begitu jugalah halnya bagi mereka yang menjalankan kerja-kerja sampingan, pendapatan mereka juga akan melebihi daripada pendapatan pekerja biasa dan ada di antara mereka yang melebihi $1000.00 sebulan bagi seisi rumah. Sungguhpun pendapatan mereka agak tinggi, tetapi mereka masih lagi berada dalam kumpulan miskin.

Jawapan kepada masalah tersebut akan dapat dihuraikan dalam tajuk-tajuk selepas ini. Bagi mereka yang tidak terlibat dengan getah iaitu yang bekerja di luar tentulah agak terjamin pendapatannya. Sekalipun ianya tidak jauh berbeza dengan pendapatan seorang penoreh getah. Faktor pendapatan yang tetap ini telah sedikit sebanyak dapat mengubah gaya hidup mereka seharian seperti cara berfikir dan bertindak dengan lebih positif.

5.4 <u>Penjualan Susu Getah</u>

Seperti yang telah diterangkan sebelum ini, susu getah tadi diangkut ke kilang untuk ditimbang dan diproses dengan menggunakan traktor. Sebaik saja susu getah tersebut sampai ke kilang, ia akan dimasukkan ke dalam bekas khas dan diukur dengan kayu penyukat. Kayu penyukat tadi akan mempunyai angka-angka tertentu untuk menunjukkan bahawa pada sukatan tertentu susu getah itu mempunyai kadar timbangan yang tertentu pula. Kadar tersebut seterusnya akan dicatitkan pula

dalam buku catitan khas oleh kerani yang bertugas dan ianya dikira sebagai jumlah pendapatan untuk sehari bagi penoreh berkenaan dan begitulah seterusnya.

Harga yang dibeli oleh pihak majikan juga bergantung kepada harga getah semasa dan tiada penetapan harga yang tertentu dan harga ini biasanya adalah lebih rendah dari harga asal di pasaran luar. Ini adalah kerana untuk menjamin keuntungan yang lebih besar bagi pihak majikan. Bagi getah skrap (scrape) pula, pekerja ladang tidak dibenarkan menjualnya di pasaran luar dan hanya dijualkan di kilang. Harga ini juga lebih rendah dari harga pasaran biasa. Oleh sebab itulah kerap terjadi pekerja yang menyeludup getah untuk dijual di pasaran luar atau berlaku kecurian skrap di kilang.

Jadi harga belian yang rendah dan disokong dengan bilangan hari menoreh yang dihadkan iaitu antara 25-26 hari sebulan menyebabkan kadar pendapatan mereka rendah. Bilangan hari tersebut mungkin menjadi semakin kurang jika kerap berlaku hujan dan sebagainya. Begitu juga dengan musim luruh, susu getah yang diperolehi akan kurang dan seterusnya mengurangkan kadar pendapatan walaupun biasanya harga getah di musim luruh akan naik.

5.5 <u>Perbelanjaan</u>

Dalam tajuk mengenai perbelanjaan ini, kita akan menumpukan kepada dua jenis perbelanjaan yang dianggap penting untuk diberi perhatian iaitu perbelanjaan makan minum dan perbelanjaan persekolahan.

Perbelanjaan makan minum diambil kira ialah untuk melihat bagaimana mereka membelanjakan wang pendapatan untuk membeli makanan dan kita akan dapat melihat bagaimana jumlah keluarga yang sama tetapi membelanjakan sejumlah wang yang berlainan. Sila lihat Jadual 5.6.

Dari Jadual tersebut kita dapat kira-kira 70% daripada responden membelanjakan antara $301 - $450 sebulan sebagai perbelanjaan untuk makanan. Peratus yang tertinggi ialah dari kumpulan yang membelanjakan antara $351 - $400 sebulan iaitu kira-kira 36%. Walaupun demikian terdapat juga yang membelanjakan kurang dari jumlah itu misalnya bagi keluarga yang kecil bilangannya. Apa yang harus menjadi perhatian kita di sini ialah bagaimana sebuah keluarga yang besar tetapi hanya membelanjakan jumlah wang yang sedikit untuk membeli makanan yang mana ianya sama dengan jumlah keluarga antara 4-6 orang. Ini seolah-olah mewujudkan 'catuan' makanan di dalam keluarga tersebut kerana makanan yang mampu disediakan oleh keluarga tersebut amat terhad. Begitu juga dengan kualiti makanan tersebut. Ia mungkin terdiri dari jenis barang 'inferior' atau rendah mutunya dan seterusnya akan memberi kesan yang besar kepada pertumbuhan otak ahli keluarga berkenaan.

Ini tidak pula bermakna bahawa keluarga yang mampu berbelanja besar dan dapat membeli makanan yang baik mempunyai ahli keluarga yang sihat dan bijak. Keluarga Cina misalnya mampu berbelanja dengan agak besar terutama bagi mereka yang mempunyai ahli keluarga yang ramai. Menurut mereka perbelanjaan yang besar untuk makanan tidak menjadi soal kerana mereka lebih mementingkan tenaga yang bakal diperolehi darinya.

University of Malaya

Jadual 5.6 : Perbelanjaan Makan Sebulan.

| Saiz Keluarga \ Belanja | $50 ke bawah | $151-$200 | $201-$250 | $251-$300 | $301-$350 | $351-$400 | $401-$450 | $451-$500 | $501-$550 | $551-$600 | $601-$650 | $651-$700 | $701-$750 | $751 ke atas |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1-3 | - | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | - | - | - | - | - | - | - |
| 4-6 | - | - | 1 | 1 | 5 | 9 | 5 | 2 | - | 1 | 1 | 1 | - | 1 |
| 7-10 | - | - | - | - | 2 | 8 | 3 | 1 | 1 | 2 | - | - | - | - |
| Peratus | - | 2 | 4 | 4 | 16 | 36 | 18 | 6 | 2 | 6 | 2 | 2 | - | 2 |

Sumber: Soal-selidik.

University of Malaya

Badan yang kuat dan sihat mesti datang dari makanan yang berzat dan makanan yang berzat itu harus dibeli sekalipun ianya agak mahal.

Sesudah kita meninjau perbelanjaan makan minum, kita akan meninjau pula perbelanjaan persekolahan. Perbelanjaan ini dikira perbelanjaan setahun dan ianya tidak termasuk tambang bas kerana tambang bas adalah ditanggung oleh pihak ladang seperti yang disebutkan sebelum ini. Sila lihat Jadual 5.7.

Maklumat dari Jadual tersebut diambil dari 37 orang responden yang mempunyai tanggungan persekolahan. Bagi mereka yang membelanjakan pada kadar $801 ke atas adalah keluarga yang mempunyai tanggungan persekolahan yang ramai dan ada di antaranya yang menuntut di sekolah persendirian yang sudah tentunya memerlukan belanja yang besar. Apa yang jelas di sini ialah di antara kadar $501 ke atas ia selalunya melibatkan keluarga keturunan Cina. Ini seolah-olah membayangkan bahawa mereka menunjukkan kesungguhan untuk membiayai perbelanjaan persekolahan anak-anak. Salah seorang ibubapa yang ditemui menyatakan perbelanjaan yang tinggi tidak menjadi halangan asalkan anak-anak berjaya di bidang pelajaran hingga ke peringkat yang lebih tinggi. Beliau memberi contoh tentang bagaimana susahnya ibubapa yang terpaksa membiayai perbelanjaan anak-anak yang menuntut di luar negeri tanpa menerima apa-apa bantuan dari kerajaan. Jadi tidak ada sebab mengapa mereka mesti mengaku kalah tambahan pula anak-anak mereka masih lagi menuntut di dalam negeri.

Jadual 5.7 : Perbelanjaan Persekolahan.

| Saiz Keluarga \ Belanja | $100 ke bawah | $100-$200 | $201-$300 | $301-$400 | $401-$500 | $501-$600 | $601-$700 | $701-$800 | $801 ke atas |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1-3 | - | 1 | - | 1 | - | - | - | - | - |
| 4-6 | 1 | 3 | 5 | 3 | 1 | 2 | 2 | - | 1 |
| 7-10 | - | - | 2 | 4 | 2 | 4 | - | 2 | 3 |
| Jumlah | 1 | 4 | 7 | 8 | 3 | 6 | 2 | 2 | 4 |
| Peratus | 2.7 | 10.8 | 18.9 | 21.6 | 8.1 | 16.2 | 5.4 | 5.4 | 10.8 |

Sumber: Soal-selidik.

University of Malaya

Hal ini sudah tentu ada perbezaannya keluarga keturunan India iaitu walaupun mereka mempunyai ahli keluarga yang agak ramai tetapi membelanjakan jumlah yang sedikit untuk pelajaran. Memang tidak dapat dinafikan bahawa berbelanja mengikut kemampuan adalah suatu hal yang rasional. Tetapi apa yang penting ialah kita mampu memperbaiki kemampuan kita sekiranya kita benar-benar ingin melihat kejayaan anak-anak. Perbelanjaan yang besar juga tidak cukup untuk menjamin kejayaan sekiranya hal-hal lain yang sama pentingnya diabaikan.

5.6 Pemilikan Harta

Secara kasarnya kira-kira 90% responden yang ditemui tidak memiliki tanah sendiri. Ini ialah kerana sebahagian besar daripada usia mereka dihabiskan di ladang ini atau di lain-lain ladang getah yang mana gajinya yang sedikit sudah tentu menyulitkan mereka untuk mengumpul wang bagi membeli tanah. Rumah yang diduduki sekarang ialah sebagai tumpangan sementara sahaja iaitu selagi mereka masih bekerja di sini. Disebabkan ramai di antara mereka yang tidak memiliki tanah dan rumah sendiri, maka jadual pemilikan harta tersebut hanya tertumpu kepada barang-barang atau perkakas di rumah termasuk kereta, motosikal dan sebagainya.

Dari Jadual 5.8 kita dapati bahawa barang-barang yang menjadi kegemaran ramai ialah peti talivisyen dan motosikal iaitu kira 96% bagi talivisyen dan 92% bagi motosikal. Ini diikuti dengan barang kemas dan kipas. Bagi barang-barang seperti motosikal, talivisyen dan kipas

Jadual 5.8 : Pemilikan Harta.

| Bangsa / Harta | Melayu | Cina | India | Jumlah | % |
|---|---|---|---|---|---|
| Kereta | - | 1 | 1 | 2 | 4 |
| Motosikal | 4 | 9 | 33 | 46 | 92 |
| Basikal | 2 | 3 | 18 | 23 | 46 |
| Talivisyen | 5 | 8 | 35 | 48 | 96 |
| Radio | 2 | 4 | 30 | 36 | 72 |
| Video | - | 1 | 2 | 3 | 6 |
| Kusyen Set | 2 | 1 | 10 | 13 | 26 |
| Barang Kemas | 3 | 4 | 34 | 41 | 82 |
| Kipas | 3 | 9 | 30 | 42 | 84 |
| Mesin Jahit | 3 | 6 | 8 | 17 | 34 |
| Peti Ais | - | 3 | 4 | 7 | 14 |
| Dapur Gas | - | 2 | 1 | 3 | 6 |
| Dapur Minyak | 2 | 3 | 16 | 21 | 42 |
| Dapur Arang | 2 | 2 | 3 | 7 | 14 |

Sumber: Soal-selidik.

University of Malaya

terdapat sebuah keluarga yang memiliki lebih dari satu. Jadi peratusan yang tinggi tadi bukan melambangkan banyaknya keluarga yang memiliki barang-barang tadi.

Suatu yang ketara di sini ialah terdapatnya kecenderungan yang meluas di kalangan pekerja untuk memiliki barang-barang kemas. Jika kita halusi harga emas di pasaran adalah tidak begitu stabil dan harga jualan balik yang tidak begitu memberangsangkan tambahan pula jika dijual di pajak gadai. Adalah lebih baik jika sejumlah wang yang banyak untuk membeli barang-barang kemas tadi disimpan di bank atau dilaburkan di institusi-institusi pelaburan yang sudah pasti mendatangkan keuntungan. Hal ini akan diulas dengan lebih lanjut di dalam tajuk berikutnya.

Beberapa orang responden wanita ketika ditanya pendapatnya menyatakan bahawa barang-barang kemas tersebut dibeli ketika masa mula-mula berkahwin dulu dan beberapa tahun selepasnya. Ia boleh dijual terutama ketika masa terdesak dan memerlukan wang walaupun harga jualannya tidak sama dengan harga belian. Soal pemilikan kelengkapan di rumah ini nampaknya diberi perhatian utama oleh responden kerana mereka lebih memikirkan soal keselesaan hidup.

Menyentuh tentang pemilikan tanah dan rumah sendiri, beberapa orang responden menyatakan dengan kadar gaji rendah yang diterima pada setiap bulan adalah sukar bagi mereka untuk mengumpul wang bagi membeli rumah atau tanah. Ada di antara mereka yang menjadi pelanggan tiket loteri untuk menguji nasib kalau-kalau beroleh keuntungan atau kemenangan. Setengahnya pula berpendapat, gaji yang rendah adalah suatu hal yang lain

tetapi jika mereka berpeluang membuat kerja-kerja sampingan seperti menternak atau bertani sudah tentu dapat mengubah sedikit nasib mereka. Bagaimanapun mereka yang mempunyai semangat dan cita-cita demikian tidaklah begitu ramai.

## 5.7 Simpanan dan Pelaburan

Seperti yang telah dihuraikan sebelum ini, jumlah pendapatan yang sendiri yang diperolehi oleh pekerja telah mempengaruhi pemilikan harta di kalangan mereka. Demikian jugalah halnya dengan kesan yang telah ditinggalkan terhadap simpanan dan pelaburan. Dari 50 orang responden tersebut terdapat kira-kira 16 orang yang mempunyai simpanan yang berjumlah kira-kira $19,200 semuanya. Kebanyakan dari mereka menyimpan di Pejabat Pos atau Bank Simpanan Nasional.

Jumlah pelaburan pula berjumlah kira-kira $7,000 iaitu seramai 7 orang yang terlibat. Pelaburan ini ialah pemilikan saham syarikat Maika Holding kepunyaan M.I.C. Bagaimana saham ini terjual dan tawarannya adalah tidak begitu jelas. Menurut Pengerusi M.I.C. Cawangan Ladang ini, ia ditawarkan kepada pekerja dengan harga $1,000 tiap seorang secara hutang. Bayaran balik dibuat sama ada melalui potongan gaji atau potongan dividen. Apa yang menjadi persoalan di sini ialah kenapa ia tidak ditawarkan kepada keseluruhan pekerja India seperti dalam skim ASN dan bukan hanya kepada penyokong-penyokong kuat M.I.C. sahaja. Pengerusi tersebut seterusnya menambah, saham-saham tersebut sebenarnya ditawarkan kepada semua pekerja India tetapi mendapat sambungan dingin dari mereka.

Menyentuh tentang kedudukan hutang pula, terdapat kira-kira 25 orang yang terlibat dengan hutang. Ini termasuk mereka yang mempunyai simpanan atau tidak. Jumlah keseluruhannya ialah kira-kira $28,864. Kebanyakan dari mereka berhutang dengan cara mengambil barang-barang di kedai seperti hutang motosikal, talivisyen, kusyen set dan sebagainya.

Namun demikian terdapat kira-kira 14 kes di mana responden tidak mempunyai sebarang simpanan dan tidak terlibat dengan hutang. Keadaan ini biasanya berlaku di kalangan keluarga yang mempunyai bilangan ahli yang ramai. Gaji yang diterima lebih banyak dihabiskan untuk membeli keperluan harian yang lebih utama berbanding dengan barang-barang untuk keselesaan hidup dan sebagainya.

## 5.8 Sikap Terhadap Pekerjaan

Sikap terhadap pekerjaan ini dapat ditinjau dari dua sudut iaitu sikap ibubapa terhadap pekerjaan masing-masing dan sikap ibubapa terhadap pekerjaan anak-anak pada masa akan datang. Rata-rata ibubapa yang ditinjau pendapatnya mengenai pekerjaan menyatakan mereka tidak berminat atau tidak mahu menukar pekerjaan yang ada sekarang. Alasannya ialah mereka tidak mempunyai apa-apa kelulusan untuk membolehkan mereka menjawat jawatan yang lebih baik. Ada pula yang mengatakan bahawa mereka telah sebati dengan pekerjaan sekarang dan tidak mempunyai apa-apa kemahiran dalam bidang lain. Kalau mereka meneroka bidang pertanian misalnya, mereka tidak mempunyai tanah sendiri dan tidak mempunyai

pengetahuan yang cukup untuk bertani serta memerlukan modal yang agak banyak sebelum mendapatkan hasil. Ini sukar bagi mereka untuk memperolehinya.

Sungguhpun demikian ada juga yang bercita-cita untuk menukar kerja sekarang seperti menyertai rancangan FELDA, menjadi buruh di Jabatan Kerajaan seperti Telekom, J.K.R. dan sebagainya. Bagi mereka ini kerja yang ada sekarang belum tentu dapat menjamin masa depan anak-anak kerana pendapatan mereka banyak bergantung kepada faktor cuaca dan harga getah di pasaran. Sebaliknya kalau mereka bekerja makan gaji secara tetap sudah tentu tidak mendatangkan banyak masalah dan dapat mengawal perbelanjaan dengan baik.

Ada juga yang berpendapat jika mereka bekerja dengan kerajaan kedudukan mereka agak tinggi sedikit berbanding dengan lain-lain pekerja ladang di sini. Ini dapat dibuktikan oleh beberapa orang pekerja Telekom yang diberi kepercayaan memegang jawatan penting dalam M.I.C. cawangan.

Bagi pekerjaan yang sesuai untuk anak-anak pula, ramai yang tidak dapat memberikan jawapan yang diharapkan. Bagi mereka sebarang pekerjaan yang bakal dilakukan oleh anak-anak banyak bergantung kepada pencapaian pelajaran anak-anak. Sekiranya mereka berjaya di bidang pelajaran sudah tentu mereka mahu menjawat jawatan yang baik. Seboleh-bolehnya mereka mengharapkan anak-anak agar tidak menjadi buruh estet seperti mereka sekarang ini.

PERPUSTAKAAN
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

## 5.9 Kesimpulan

Masalah besar yang dihadapi oleh para pekerja adalah berkisar pada tingkat pendapatan. Ini termasuklah tingkat pendapatan yang rendah dan tidak mentu akibat kejatuhan harga bahan itu di pasaran antara bangsa, cara-cara mengagih dan membelanjakan tingkat pendapatan, masalah keselesaan ketika bekerja dan cara penjualan hasil-hasil serta lain-lain lagi. Secara tidak langsung ia menunjukkan bahawa apa yang mereka alami sekarang ini mempunyai kaitan yang kuat dengan perkara lain yang terletak di luar kuasa dan kemampuan negara sendiri untuk menyelesaikannya. Ini menunjukkan bahawa gejala kemiskinan itu tidak bertolak dari satu titik atau sebab secara bersendirian.

University of Malaya

BAB VI

KESIMPULAN DAN CADANGAN

## 6.1 Pendahuluan

Setiap penyakit yang dihadapi pasti ada ubat atau penawarnya. Cepat atau lambatnya penyakit tersebut sembuh bergantung kepada jenis penawar yang digunakan. Ini juga ada kaitannya dengan faktor masa dan keadaan. Begitu jugalah halnya dengan kemiskinan yang dianggap sebagai penyakit tadi. Setiap masalah yang telah dikenal pasti tadi pasti ada cara atau kaedah untuk menghurai atau menyelesaikannya. Tidak kira masalah itu melibatkan sejumlah orang yang ramai atau segelintir sahaja. Kita tidak seharusnya membiarkan setiap masalah yang dianggap kecil atau remeh dibiarkan berlarutan dan hanya menumpukan kepada masalah yang dianggap serius untuk diberi perhatian. Setiap masalah yang kita anggap kecil pada mulanya akan menjadi semakin besar jika tidak diselesaikan dan seterusnya akan menambahkan lagi masalah yang telah sedia ada yang belum tentu dapat diselesaikan dengan segera.

Sebelum ditutup perbincangan dan penulisan ini, eloklah dibincangkan lagi serba sedikit tentang apa yang telah diperkatakan tadi agar ianya lebih jelas dan dapat memberi manfaat kepada semua yang terlibat. Ini tidaklah bermakna semua yang telah dan akan dihurai dan disarankan merupakan sesuatu yang unggul. Setiap orang mempunyai penilaian atau pentafsiran yang berlainan.

6.2 Sejauhmana Perkaitan Masalah Kajian

Menurut Syed Husin Ali, kemiskinan adalah suatu keadaan kekurangan di mana ia memberi gambaran deprivasi dari segi keperluan asasi dan keperluan terbitan.[1] Keperluan asasi ialah seperti makanan, tempat tinggal dan pakaian. Manakala keperluan terbitan merangkumi segala kemudahan sosial seperti bekalan air, elektrik, kesihatan, kemudahan rekreasi dan sebagainya. Dari segi ekonomi kemiskinan merupakan suatu keadaan ketiadaan atau kekurangan kemampuan disebabkan oleh tingkat pendapatan, pemilikan dan pekerjaan yang rendah.

Dari segi sosial, golongan miskin menduduki lapisan bawah dalam sistem susunlapis masyarakat. Menurut beliau, punca kemiskinan adalah sistem masyarakat dan sejarah yang telah menimbulkan sistem tersebut. Cox George pula seperti yang telah diterangkan di awal tadi mengaitkan kemiskinan dengan masalah buta huruf. Sebenarnya masalah buta huruf dan tingkat pendapatan yang rendah memang mempunyai perkaitan yang cukup kuat dengan kemiskinan.

Berdasarkan pendapat Syed Husin Ali dan Cox George tadi menunjukkan bahawa rakyat yang tergolong sebagai orang miskin menghadapi berbagai masalah dan kekurangan. Rasanya tidaklah perlu diperturunkan lagi beberapa buah definisi lain yang mungkin akan memanjangkan lagi perbincangan ini. Sebenarnya beberapa buah definisi

---

[1]Syed Husin Ali ialah seorang Profesor Pembangunan Manusia di Institut Pengajian Tinggi (IPT), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

yang telah diberikan sebelum ini telah cukup jelas untuk menerangkan fenomena kemiskinan di kalangan rakyat. Hidup yang serba kekurangan itulah yang menyebabkan mereka menjadi miskin.

Namun demikian, meninjau kemiskinan hanya dari kaca mata kebendaan sahaja tentulah tidak mencukupi. Berlaku juga apa yang dikatakan kemiskinan ilmu pengetahuan sama ada pengetahuan duniawi atau ukhrawi. Bagi agama Islam misalnya, kemajuan duniawi haruslah diseimbangkan dengan kehendak ukhrawi. Kaya dengan wang ringgit tidak menjamin kekayaan keperibadian, keimanan atau mempunyai jiwa yang sihat. Islam tidak pula menyuruh kita hanya menumpukan kepada teribadat semata-mata tanpa memperdulikan kehendak lahiriah. Tetapi setiap amalan yang disertai dengan niat yang baik, ikhlas serta pekerjaan tersebut mulia dan bermanfaat maka ia juga dianggap sebagai suatu ibadat. Wallahua'lam.

Berbalik kepada masalah ini, seperti yang telah dihuraikan dalam bahagian teori iaitu yang menunjukkan perkaitan antara kemiskinan dengan lain-lain faktor (sila lihat Bab II). Lingkaran Ganas Kemiskinan menerangkan bahawa pelajaran, pendapatan dan pekerjaan itu saling kait mengait antara satu sama lain.



Ini tidak pula bermakna hanya tiga faktor sahaja yang terlibat. Sebenarnya kita tidak harus melupakan tentang teori pergantungan. Teori ini menyatakan bahawa sesuatu fenomena yang berlaku itu adalah disebabkan berlakunya fenomena lain yang mempunyai kaitan sama ada secara langsung atau tidak. Misalnya kemiskinan adalah disebabkan oleh tingkat pendapatan yang rendah. Rendahnya tingkat pendapatan adalah disebabkan oleh harga pasaran getah yang turut rendah atau mengalami kejatuhan. Kejatuhan harga pasaran getah tadi mungkin disebabkan turunnya harga minyak petrol yang membolehkan negara-negara perindustrian mengalih perhatian kepada membeli getah tiruan yang lebih rendah. Jadi ini sudah tentu memberikan kesan langsung kepada pengeluar getah ataupun kepada penoreh sendiri.

Mengenai teori yang menyarankan supaya keluarga miskin menghadkan bilangan anak di dalam keluarganya juga boleh dipertikatkan. Teori itu menekankan bahawa bagi golongan miskin mereka perlu menghadkan jumlah kelahiran supaya dapat diseimbangkan dengan tingkat pendapatan. Jadi adalah diharapkan agihan pendapatan di kalangan ahli keluarga akan lebih mencukupi. Ini mungkin boleh disamakan dengan skim perancang keluarga yang disarankan oleh kerajaan sedikit masa dulu.

Bagi agama Islam, setiap anak yang lahir itu sudah ditentukan resekinya. Ini tidak pula bermaksud kita harus bersikap pasif tanpa berusaha.

Dari huraian yang telah dibuat sebelum ini juga sedikit sebanyak dapat menguji hipotesis (lihat Bab I). Misalnya hipotesis menyatakan tentang peranan ibubapa dalam kemajuan pelajaran anak-anak telah terbukti iaitu kurangnya perhatian yang telah diberikan oleh ibubapa dalam bidang pelajaran anak-anak telah menyebabkan mereka tidak begitu berminat terhadap pelajaran dan seterusnya gagal. Walaupun peranan ibubapa tadi bukan merupakan suatu yang dominan tetapi ianya adalah sebahagian daripada faktor penyebab. Apa yang boleh dilakukan di sini ialah agar ibubapa memiliki sifat bertanggungjawab terhadap kemajuan pelajaran anak-anak. Masa depan anak-anak seharusnyalah diberi perhatian utama supaya jejak-jejak hitam yang telah ditinggalkan itu tidak akan meninggalkan kesan atau melekat pada anak-anak.

## 6.3 Saranan

Setelah kita meneliti masalah-masalah yang dihadapi oleh pekerja ladang berkenaan, maka perlu dikemukakan sedikit pandangan sebagai panduan untuk mengambil tindakan bagi mengatasinya. Oleh kerana kajian ini melibatkan aspek-aspek ekonomi dan pelajaran, maka kebanyakan saranan yang akan dikemukakan juga adalah berkaitan dengan perkara berkenaan.

Pertama sekali ialah pihak kerajaan atau pihak yang terbabit hendaklah mendirikan sebuah sekolah baru yang lebih baik dan selesa serta mempunyai kelengkapan yang cukup demi untuk keselesaan

mengajar dan belajar iaitu dengan mempunyai bilik darjah yang cukup baik bagi keperluan pembelajaran.

Selain itu pihak berkuasa harus juga memberikan kerjasama untuk mendiri atau menubuhkan sebuah perpustakaan yang lengkap terutama sekolah diperlukan bagi kanak-kanak yang baru menghadapi alam persekolahan. Bahan-bahan bacaan tersebut tidak semestinya terhad kepada buku-buku berbahasa Malaysia sahaja, tetapi buku-buku dalam Bahasa Inggeris. Untuk menjayakan matlamat ini kerjasama guru-guru dan ibubapa amatlah perlu.

Guru-guru juga harus memupuk sikap dan sifat rajin belajar di kalangan murid-murid dan mereka seharusnya diberi gambaran yang jelas tentang kepentingan pelajaran. Ini sangat berfaedah terutamanya untuk mengubah sikap dan sistem nilai yang suka mencontohi ibubapa. Telah berlaku banyak kes di dunia ini di mana ibubapa miskin tetapi anak-anak berusaha bersungguh untuk memperbaiki taraf hidup mereka melalui pencapaian cemerlang dalam bidang pelajaran. Jadi, contoh-contoh yang sesuai haruslah diberi kepada murid-murid supaya mereka lebih bersemangat untuk menghadapi cabaran. Jadi bimbingan kerjaya dan kaunseling tidak harus diabaikan. Mereka juga harus diterangkan bahawa melalui pencapaian yang baik dalam bidang pelajaran mereka akan memperolehi pekerjaan yang baik. Pekerjaan yang baik itu tidak semestinya diperolehi melalui kerja makan gaji sahaja. Terdapat bidang profesyenal lainnya yang memperolehi pendapatan yang lumayan seperti peguam, doktor, jurutera dan sebagainya. Jadi konsep

pekerjaan yang baik itu juga harus diterangkan dengan sejelas-jelasnya iaitu tidak hanya bergantung kepada kerja makan gaji sahaja.

Kelas tambahan dan bimbingan hendaklah ditambah dari masa ke masa supaya masa yang terluang dapat digunakan dengan sebaik-baik mungkin. Kelas ini mungkin lebih berkesan diberikan kepada mereka yang akan menghadapi peperiksaan tertentu seperti penilaian Darjah Lima, Sijil Rendah Pelajaran dan sebagainya. Ini sekurang-kurangnya dapat meletakkan mereka sentiasa berada dalam suasana belajar tetapi tidak pula sampai dikongkong tanpa diberi kerehatan dan sebagainya. Masalah buta huruf juga hendaklah diatasi terutama di kalangan kanak-kanak sekolah dan golongan remaja. Jika masalah ini tidak diatasi maka pencapaian akademik mereka mungkin tidak akan berubah atau semakin teruk. Ini dapat dilihat pada keputusan Peperiksaan Penilaian Darjah 5 seperti yang telah diterangkan dalam Bab IV. Mereka ini sepatutnya diberikan kelas bimbingan khas terutama pada waktu lepas sekolah agar ianya tidak mengganggu jadual perjalanan sukatan pelajaran seharian.

Kementerian juga seharusnyalah menempatkan lebih ramai guru-guru terlatih terutama bagi menghadapi kanak-kanak lembam dan sebagainya supaya masalah keciciran dapat diatasi. Adalah tidak memadai dengan hanya menempatkan beberapa orang guru terlatih dengan dibantu oleh beberapa orang guru sementara yang sudah tentu tidak mempunyai kemahiran yang cukup dalam bidang pendidikan. Bagi menarik guru-guru berkenaan datang ke sini, tempat penginapan yang selesa haruslha disediakan terlebih dahulu agar mereka tidak menghadapi sebarang masalah.

Bagi memperbaiki keadaan ekonomi mereka pula, haruslah ditanam sifat berjimat cermat dan suka menyimpan atau menabung di kalangan pekerja. Ini seterusnya akan dapat membantu mereka seperti ingin membeli rumah dan tanah serta lain-lain keperluan yang mustahak. Mereka juga harus diberi peluang untuk bergiat dalam kegiatan ekonomi secara kecil-kecilan seperti berternak, berladang dan sebagainya. Mengenakan larangan atas alasan takut memusnahkan tanaman ladang adalah tidak praktikal. Pengkaji pernah memerhatikan bagaimana pekerja di ladang lain dibenarkan memelihara binatang ternakan asalkan ianya dikurung dan dijaga dengan sempurna. Galakan supaya mereka bertani dan mengerjakan kawasan tanah terbiar di sekitar kawasan kediaman juga harus diberikan. Contohnya menggalakkan mereka menjalankan pertanian secara berkelompok supaya hasilnya dapat dimanfaat atau kalau mahu dipasarkan dengan lebih berkesan.

Menyentuh tentang bantuan atau subsidi dan sebagainya adalah perlu jika bantuan tersebut tidak diberi secara berkelompok tetapi harus diberikan kepada individu yang telah dikenal pasti sebagai golongan yang sangat miskin dan memerlukan bantuan. Ini akan dapat meletakkan mereka setaraf dengan golongan yang lebih bernasib baik di dalam kelompoknya, dan seterusnya dapat merapatkan jurang perbezaa. Jadi perasaan rendah diri akan dapat dikurangkan dari diri mereka dan memupuk sifat keyakinan kepada diri sendiri.

Mengenai skim pelaburan seperti yang telah diperkenalkan oleh M.I.C., ia sepatutnya menjalankan kempen dengan lebih meluas agar semua pekerja keturunan India dapat membeli atau memilikinya. Kepentingan politik untuk peribadi oleh golongan tertentu haruslah diketepikan sekiranya kita jujur untuk memperbaiki keadaan ekonomi orang yang berada dalam kelompok kita sendiri. Mereka mungkin boleh melakukan beberapa cara seperti mana yang telah dilakukan oleh Skim Amanah Saham Nasional ke atas rakyat Bumiputera di negara ini.

Untuk mengelakkan kanak-kanak terjerumus ke alam pekerjaan dalam usia yang terlalu muda, pihak pengurusan seharusnyalah tidak membenarkan mereka bekerja menerima upah secara berasingan dari ibu-bapa. Kecualililah sekiranya kanak-kanak tersebut membantu ahli keluarganya yang lain ketika waktu lapang. Ini sudah tentu dapat mengurangkan minat bekerja di usia remaja di kalangan kanak-kanak dan dapat mengurangkan kadar berhenti sekolah di pertengahan jalan.

## 6.4 Kesimpulan

Setiap yang bermula pasti akan berakhir, setiap yang datang pasti akan pergi. Tidak ada yang akan kekal melainkan Allah. Begitu jugalah dengan penulisan ini. Walaupun ianya agak ringkas dan tidak dapat membuat kajian secara menyeluruh dan lengkap, adalah diharapkan agar ianya dapat membantu pihak-pihak yang terbabit supaya mengambil tindakan yang sewajarnya.

Kita telah membincangkan serba sedikit tentang perkaitan antara masalah pelajaran dan pekerjaan atau kedudukan ekonomi dengan kemiskinan. Kita juga telah diberikan dengan beberapa saranan yang dianggap munasabah dan perlu diberi perhatian utama agar masalah kemiskinan ini dapat dikurangkan kalaupun tidak dapat dihapuskan. Mudah-mudahan segala yang telah diberikan itu dapat memberikan manfaat dan diberkati Allah.

University of Malaya

Bibliografi

1. Banks, O. & Finlayson, D., Success and Failure in the Secondary School, Methuen, London, 1972.

2. Douglas, J.W.B., The Home and The School, Mac Gibbon and Kee, London, 1964.

3. Duncan, O.D., Featherman, D.L. (et al), Socio-economic Background and Achievement, Seminar Press, New York, 1972.

4. Floud, J. (et.al) (eds.), School, Class and Educational Opportunity, Heinemann, London, 1957.

5. Frazer, E., Home, Environment and the School, London, University Press, 1959.

6. George, W.A. Cox, Diskusi, Sept/Okt., 1980.

7. ______________, Kajian, Keciciran, Kementerian Pelajaran Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1973.

8. Kamal Salih, Kertas Seminar "Kemiskinan Luar Bandar", Alor Setar, Kedah (21-23 April, 1983) dalam TNC USM, pp. 1 Hal Ehwal Akademik).

9. Lewis, Oscar, Penerangan Ciri-ciri dari konsep 'Budaya Miskin', Kajian dilakukan terhadap lima buah keluarga, Five Families Mexican Case Studies in the Culture of Poverty, New York, Basic Book, 1959.

10. Ligget, John and Cochrane, Raymond, Exercise in Social Science, 1968, Constable & Co. Ltd., London.

11. Morrison, A. & Mac Intyre, D., School and Socialization, Penguin Books, 1973.

12. Oh Kum Lum, Some Socio-economic Factors Affecting Academic Achievement in Two Malaysian School, Tesis B. Ed. tanpa diterbitkan, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, K. Lumpur, 1959.

13. Rancangan Malaysia Keempat, 1981-85.

14. Rein, M., 'Problem in the Definition and Measurement of Poverty' dalam Peter Townsend, (ed.), The Concept of Poverty, London, Heinemann, 1971.

15. Roach, J.L. & Roach, J.K., Poverty, Penguin Books, 1972.

16. Socio-economic Research Unit: Malaysian Business, Poverty, March 1, 1984.

17. Steward, R.J.C., "How Malnutrition Handicaps Children", dipetik dari T. Marimuthu, The Influence of Home Background on Educational Careers and Aspirations of Tamil Youths in Peninsular Malaysia, Ph.D. dissertation tanpa diterbitkan, University of Manchester, England, 1975.

18. Townsend, P., "The Meaning of Poverty", dalam British Journal of Sociology, Bol.13, 1962.

19. Valentine, C.A., Culture and Poverty, University of Chicago Press, Chicago, 1972.

20. Waxman, C., Stigma of Poverty: A Critique of Poverty Theories and Policies, New York, Pergamon Press, 1977.

University of Malaya

Peta 1



RAUB
ULU DONG
ULU CHEKA
PEDAH
HUTAN SIMPAN TEKAM
PULAU TAWAR
TEBING TINGGI
KELOLA
GALI
SIMPANAN MERGASTUA KERAU
JENDERAK
CHENOR
TERAS
HUTAN SIMPAN LAKUM
KERDAU
LIPAT KAJANG
TEMERLOH
SEMANTAN
SANGGANG
BUKIT SEGUMPAL
BANGAU
BENTONG
HUTAN SIMPAN BUKIT TINGGI
HUTAN SIMPAN KEMASUL
PERAK
LEBAK
SABAI
HUTAN SIMPAN LENTANG

Peta 2


BEE YONG LIMITED.
KERDAU DIVISION
Scale Chains to an Inch
BUILDINGS
LEGEND
FIELD ACREAGE STATEMENT
1958
1649
1622
922
1431
915
1163
752
758
1547
1553
1551

Lampiran



Gambar 1 : Bangunan Induk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (T) Bee Yong, Kerdau, dipandang dari hadapan.

University of Malaya



Gambar 3 : Murid sedang mengikuti pelajaran di dalam salah sebuah bilik darjah.

Universiti Malaya



Gambar 4 : Bangunan yang digunakan untuk kelas bimbingan kanak-kanak.



Gambar 5 : Rumah asuhan kanak-kanak.



Gambar 6 : Salah sebuah berek yang mengandungi beberapa unit rumah kediaman pekerja. Walau bagaimanapun berek ini telah dirobohkan pada bulan Ogos 1985, dan penghuninya telah dipindahkan ke unit-unit kediaman yang baru. Berek ini telah dibina kira-kira pada tahun 1957.

University of Malaya



Gambar 7 : Dua unit rumah kembar mengandungi dua buah bilik yang dibina pada tahun 1982.



Gambar 8 : Salah sebuah rumah yang disediakan untuk kakitangan ladang.



**Gambar 9 : Salah sebuah kedai runcit yang terdapat di ladang ini.**



**Gambar 10 : Sebahagian dari bangunan kilang getah.**